


Jilid I
Bil. 32



Hari Rabu
21hb Januari, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

USUL-USUL:

Merakamkan Perasaan Dukacita atas Kematian Allahyarham Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein dan Ucapan Takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan Keluarga [Ruangan 3085]

Pemberitahu Usul [Ruangan 3114]

Ucapan Tahniah dan Sokongan kepada Y.A.B. Datuk Hussein bin Datuk Onn sebagai Perdana Menteri [Ruangan 3114]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3137]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Rabu, 21hb Januari, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- ” Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M. D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, P.J.K., A.M.N. (Melaka).
- ” TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- ” DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- ” TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- ” TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- ” TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- ” TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- ” TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- ” TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH (Dilantik).
- ” DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- ” DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- ” DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- ” DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K. Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., S.I.M.P. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).

- Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- ” Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- ” Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- ” Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- ” Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- ” Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y. M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- ” Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T., P.G.D.K. (Tanah Merah).
- ” Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- ” Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KEE SEONG (Taiping).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

USUL

MERAKAMKAN PERASAAN DUKACITA ATAS KEMATIAN ALLAHYARHAM Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN DAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA TOH PUAN HAJJAH RAHAH DAN KELUARGA

2.32 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Rabu, 12 Muharram 1396 bersamaan 14hb Januari, 1976, dengan kehendak Allah s.w.t., Malaysia dan rakyatnya telah kehilangan seorang patriot dan pahlawan bangsa, seorang negarawan, seorang pemimpin ulung yang dihormati dan yang disayangi, seorang bapa kepada satu keluarga, iaitu Y.A.B. Perdana Menteri kita Tun Haji Abdul Razak.

Sebagai sahabat karib dan rakan seperjuangan saya, malah kepada seluruh negara, kematian Allahyarham itu merupakan satu kehilangan yang paling besar, satu kehilangan yang sukar dicari ganti. Sekalipun demikian, kita penuh syukur ke hadzrat Allah, kerana cubaan yang dihadapi oleh negara ini, tentulah mempunyai hikmat dan rahmat di sebaliknya. Marilah kita berdo'a semoga Allah mencucuri rahmat dan rahimNya ke atas roh Allahyarham dan menghimpunkannya di kalangan Shuhadah dan Salihin.

Tuan Yang di-Pertua, sifat-sifat kepimpinan dan kebijaksanaan Allahyarham Tun Abdul Razak, merupakan beberapa aspek kehidupan, yang bukan sahaja disanjung dan dihormati oleh rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama, tetapi juga disayangi dan dihormati oleh rakyat serta pemimpin negara-negara jiran dan dunia amnya.

Dalam hubungan inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini memberikan penghormatan kepada seorang Parliamenterian, bekas Ahli Dewan Rakyat dari Kawasan Pekan, dan Perdana Menteri Malaysia yang kedua, iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein.

Seperti yang bakal diriwayatkan oleh para pensejarah kelak, setiap detik perjuangan hidup dan jasa-jasa Allahyarham itu kepada negara, akan dirakamkan dengan tinta emas untuk warisan jenerasi masa hadapan. Sungguhpun Allahyarham Tun Abdul Razak telah meninggalkan kita kira-kira tujuh hari yang lalu, tetapi kenyataan ini masih belum dapat diterima oleh rakyat. Bahkan kita masih dapat merasakan betapa hampirnya kita dengan Allahyarham itu dari segi masa dan waktu, untuk menghargai seluruh jasa dan khidmatnya, ataupun untuk menyedari sejauh mana kehilangan Allahyarham itu merugikan negara kita Malaysia dan juga dunia seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah seorang yang benar-benar hampir dengan Allahyarham itu, baik dari segi pertalian keluarga, mahupun sebagai seorang sahabat dan rakan seperjuangan dalam UMNO. Buat diri saya, Allahyarham adalah seorang yang jujur, penuh azam, berhemah tinggi, tetapi sederhana dalam kehidupannya, dan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat. Falsafah hidupnya ialah untuk sentiasa berbakti kepada bangsa dan negara "and with malice towards none but with charity for all". Allahyarham sentiasa menunjukkan kasih, bersifat sabar dan tidak sekali-kali ingin bermusuhan dengan sesiapa. Samada dalam hubungan sesama manusia ataupun antara negara, ia sentiasa cuba berkhitiar mewujudkan persahabatan dan mencari jalan tolak ansur dan damai, dalam semua masaalah. Ini terbukti kejayaannya memulihkan hubungan antara Malaysia dengan Indonesia, dan menggerakkan semula jalinan persahabatan antara kedua negara, setelah mengalami zaman gelap selama beberapa tahun. Dalam segala tindakannya, Allahyarham, seberapa boleh, menjaga perasaan seseorang supaya tidak tersinggung. Kalaupun ia terpaksa mengambil sesuatu tindakan tegas dan keras, Allahyarham itu melakukannya dengan perasaan yang amat berat.

Dalam falsafah politiknya Allahyarham sentiasa ingat kepada kata-kata yang berbunyi. "Power corrupts, and absolute power corrupts absolutely". Walaupun demikian, Allahyarham telah membuktikan bahawa kata-kata itu tidak tepat dan ada kecualinya. Tun Razak has proved that there are exceptions to the saying. In fact, Tun Razak himself was an exception to it.

Mengenai kejayaan hidupnya, boleh dikatakan Allahyarham telah mencapai kejayaan yang sangat gemilang. Sejak di bangku sekolah lagi ia telah membuktikan kebolehannya dalam bidang pelajaran dan di lapangan sukan. Allahyarham adalah angkatan pertama Pegawai Pentadbir Melayu memasuki Raffles College, tetapi terbantut pelajarannya di sana oleh kerana peperangan.

Allahyarham lulus ilmu Undang-undang dalam masa 18 bulan sahaja, satu tempoh yang paling singkat. Dalam pergolakan hidup dan perjuangan politiknya, ia mencapai puncak kejayaan dalam tempoh yang singkat juga. Allahyarham menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dalam usia 28 tahun. Menjadi Timbalan Presiden UMNO ketika berusia 29 tahun, menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang ketika umur 30 tahun, menjadi Menteri Besar Pahang ketika umurnya 33 tahun, menjadi Menteri Pelajaran pada umur 34 tahun, dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri ketika berumur 35 tahun, dan akhirnya menjadi Perdana Menteri ketika berusia 48 tahun. Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi, kejayaan yang dicapainya itu sukar benar dibandingkan, dan patut menjadi contoh tauladan dan inspirasi kepada golongan dan angkatan muda di tanah air kita pada masa ini dan pada masa akan datang.

Sekalipun Allahyarham itu telah mencapai mercu kejayaan hidup dan memegang kuasa politik mutlak, tetapi ia sekali-kali tidak mabuk kuasa. Ini terbukti dalam masa darurat, Peristiwa 13 Mei dahulu, dalam mana dia berkuasa penuh sebagai Pengarah National Operations Council (NOC), tetapi ia tidak menggunakan kuasa mutlaknya itu dengan sewenang-wenangnya, malah sebaliknya telah mengembalikan kuasa-kuasanya itu balik kepada rakyat sebaik sahaja selesai tugasnya memulihkan keamanan dan ketenteraman dalam negara. Tidak ramai pemimpin dalam sejarah dunia yang berbuat demikian; sebaliknya ada pula yang mengambil kesempatan menggunakan kuasa untuk kepentingan diri.

Sepanjang yang saya tahu, Allahyarham Tun Razak tidak pernah bersikap bongkak dan bertindak sesuka hati kerana beliau berpegang kepada hakikat bahawa kuasa bukanlah suatu nikmat tetapi sebagai satu tanggungjawab. To him power is not a glory but a responsibility. KEPADANYA, kuasa mutlak ialah tanggungjawab mutlak—absolute power is absolute responsibility, iaitu satu beban yang paling berat untuk dipikul oleh seseorang pemimpin dalam satu jangka waktu yang tidak dapat ditetapkan.

Sebenarnya, Tun Razak boleh menggunakan kuasa untuk kesenangan dirinya tetapi ia tidak pernah menyeleweng daripada pegangan hidupnya yang jujur dan serba sederhana itu. Pernah Allahyarham menyatakan bahawa hasrat dirinya, selepas menyempurnakan tanggungjawabnya kepada negara ialah untuk bersara dan tinggal sebagai rakyat biasa di sebuah kampung di tepi sungai Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ketahui, Allahyarham telah menumpukan seluruh hayatnya, semata-mata berkhidmat, dengan tidak mengenal penat lelah, tanpa menghiraukan kesihatan diri untuk rakyat dan negara. Sebagai pemimpin rakyat, ia telah mempelopori gerakan pembangunan luar bandar semenjak dari tahun lima puluhan dahulu. Hasil dari usahanya itulah kita melihat perubahan wajah kawasan luar bandar, yang ketinggalan terbiar semenjak zaman penjajah dengan pembinaan kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, masjid, taliair, bekalan letrik, projek-projek pembangunan besar dan kecil. Rancangan-rancangan kemajuan tanah Felda yang luasnya beratus ribu ekar telah membawa kehidupan yang lebih sempurna kepada rakyat yang tidak berpeluang. Rancangan-rancangan raksasa yang sedang diusahakan pada masa ini di Jengka, di Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah adalah hasil dari pemikiran Allahyarham dan inilah antara kesan-kesan yang diwariskannya kepada negara dan jenerasi akan datang.

Di lapangan pelajaran, Allahyarham sebagai Menteri Pelajaran yang pertama, telah mempelopori Dasar Pelajaran Kebangsaan, yang menuju kepada wujudnya perpaduan menerusi satu sistem pelajaran yang disatukan. Hasil dari dasar ini jelas kelihatan sekarang dengan timbulnya masyarakat baru yang berfikir, bertindak sebagai warganegara

Malaysia yang tulin. Universiti Kebangsaan Malaysia, di mana Allahyarham menjadi Canselor yang pertama, adalah mercu dari Dasar Pelajaran Kebangsaan itu.

Semasa Allahyarham mengetuai Kerajaan, buat pertama kali dalam sejarah, negara kita mempunyai falsafah panduan iaitu Rukunegara. Begitu juga Dasar Ekonomi Baru yang menjadi landasan Rancangan Malaysia Kedua adalah hasil ilham kepada Allahyarham itu yang bertujuan merapatkan jurang ekonomi antara kaum dan telah mendorong kepada perkembangan ekonomi yang sihat, demi mewujudkan satu masyarakat adil, makmur dan bersatu padu. Pengajaran pahit yang didapati selepas Peristiwa 13 Mei sangat menyentuh hatinya dan dalam usaha membentuk satu masyarakat Malaysia yang berdisiplin, yang memahami cita-cita kebangsaan Allahyarham telah berjaya meletakkan asas perpaduan kebangsaan menerusi Rukunegara.

Dalam bidang hubungan luar negeri, Allahyarham, dengan kerjasama dan sokongan rakan-rakan dalam ASEAN, telah berjaya meneroka jalan menuju ke arah wujudnya rantau Asia Tenggara yang berkecuali, aman dan stabil. Dalam konteks ini, dia bolehlah dianggap "as a prince of peace". One of his greatest hopes was that the nations of Southeast Asia and the world would be able to forsake conflict and violence, and to live together in peace and harmony, despite differences in ideology and social system. He was convinced that Southeast Asia needed peace badly, so that all the people's energies could be channelled towards socio-economic construction and development. Pendeknya, dasar luar yang dipelopornya ialah untuk berbaik-baik dengan semua negara yang ingin bersahabat dengan Malaysia tidak kira apa jua sistem sosial atau ideoloji mereka.

Di akhir hayatnya, sekalipun Allahyarham uzur tetapi ia masih lagi berazam untuk meneruskan usaha dan cita-citanya mengekalkan keamanan di Asia, sehinggalah tiba saat ianya dipanggil menemui Tuhannya. Allahyarham kembali ke Rahmatullah dalam usia yang masih muda—53 tahun—dalam saat-saat negara masih memerlukan khidmat dan pimpinannya, di tengah-tengah kezamannya masih memuncak hendak meneruskan cita-citanya yang belum lagi selesai itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, kita masih terlalu hampir dari segi masa, untuk memberikan penilaian yang mendalam, akan peranan dan jasa bakti Allahyarham itu dalam usaha membentuk negara Malaysia moden dan mewujudkan serta memelihara keamanan dan kesetabilan di Asia Tenggara. Mungkin tepat kalau saya sifatkan Allahyarham itu sebagai, a man of many parts. His achievements are so numerous that only a full-length biography can do justice to him.

Saya penuh yakin apabila sejarah Malaysia moden ditulis kelak, tidak syak lagi Tun Razak akan dicatit dalam Buku Sejarah itu sebagai seorang pemimpin besar, seorang statesman, seorang pembentuk, dan pelopor gagasan rantau Asia Tenggara yang aman, bebas dan berkecuali.

Dalam sejarah negara, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, kita sifatkan sebagai Pengasas Malaysia. Tun Razak telah mengukuhkan asasnya. Dengan kemajuan negara kita yang berkembang pesat, dengan ekonomi yang kukuh, tidak ada siapa dapat menafikan bahawa sebahagian besar daripada usaha membangun Malaysia itu terletak pada kepimpinan dan vision Tun Razak sendiri.

Ringkasnya, kesan-kesan jasa Tun Razak dapat dilihat di mana-mana dalam pemodenan dan perubahan masyarakat luar bandar; dalam penciptaan sistem pelajaran kebangsaan untuk menyatu-padukan rakyat; dalam pembentukan pasukan keselamatan yang berdisiplin dan utuh; dalam menyatukan sektor ekonomi yang bercorak tradisional kepada ekonomi moden menerusi Dasar Ekonomi Baru malah, di atas segala-galanya, dalam meletakkan asas masyarakat Malaysia yang adil, bersatu padu dan makmur menerusi Rukunegara.

Tuan Yang di-Pertua, dari kisah hidupnya yang penuh dengan ciri-ciri perjuangan dan kejayaan, dari konsep hidupnya yang penuh vision, dari semangat dedikasi dan keazamannya meneruskan cita-cita negara, rakyat Malaysia dapat mengambil contoh dan inspirasi. Marilah kita bersama-sama meneruskan perjuangan, yang telah diasaskan oleh pemimpin besar dan negarawan Malaysia yang ulung itu.

Sebagai Perdana Menteri yang mengambil alih tugas selepasnya, saya bertanggungjawab mewarisi dan meneruskan amanah yang ditinggalkannya. Saya berikrar kepada Dewan yang mulia ini, dan juga kepada negara untuk berusaha dengan sedaya upaya saya, memenuhi cita-cita Allahyarham untuk membina sebuah negara Malaysia yang adil, makmur dan bersatu-padu, di samping mengekalkan keamanannya menerusi dasar berkecuali di rantau Asia Tenggara, supaya Malaysia yang kita cintai ini terus mendapat tempat sewajarnya sebagai negara yang progresif di kalangan dunia antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah saya mengusulkan. (*Tepuk*).

3.10 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya bercakap sepatah dua untuk mencurahkan perasaan hati Ahli-ahli Dewan Negara ini yang mana tidak berkesempatan masa untuk mencurahkan perasaannya terhadap kepada kehilangan pemimpin besar Allahyarham Tun Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru kita telah cukup lengkap untuk dicatitkan sebagai satu sejarah bagi Dewan Negara ini dan juga bagi sejarah negara kita ini di atas perjuangan Allahyarham bekas Perdana Menteri kita.

Apa yang saya hendak curahkan kepada Dewan ini ialah perasaan kesedihan yang amat sangat daripada Dewan Negara ini dan Ahli-ahli Dewan ini terhadap kehilangan bapa pemimpinnya yang menjadi harapan besar bagi negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham ini adalah seorang pengasih iaitu pengasih kepada tanahairnya, pengasih kepada bangsanya dan negaranya sehingga Allahyarham lupakan keadaan kesihatan tubuh badannya sendiri. Allahyarham telah bekerja, telah menjalankan tugas, telah menghabiskan masa dan riwayatnya bagi perjuangan menegakkan negara yang baru merdeka ini. Allahyarham ialah seorang ahli penjuang kemerdekaan yang utama sebelumnya negara kita ini merdeka dan setelah merdeka beliau juga telah ber-

usaha untuk meletakkan tapak asas bagi kemakmuran negara kita ini. Allahyarham ialah bapa pembangunan yang telah mengasaskan satu tapak yang kukuh untuk melancarkan Dasar Ekonomi Baru yang dapat memberi kemakmuran dan kebahagiaan kepada seluruh rakyat negara ini. Ini tidak dapat dilupakan oleh tiap-tiap orang rakyat dalam negara kita ini.

Saya masih ingat lagi bagaimana kasihnya Allahyarham kepada rakyat negara ini. Saya masih ingat semasa Allahyarham masih di saat-saat akhir ini baru sahaja pulang daripada Indonesia terus melawat ke Kelantan untuk masa 3 jam sahaja untuk membuka sebuah masjid di sebuah kampung yang kecil dan Allahyarham pulang terus ke Kuala Lumpur untuk menjalankan tugasnya. Begitulah perasaan kasih sayangnya kepada rakyat yang ada di kampung-kampung di dalam negara kita ini. Maka tidak hairanlah bagi kita melihat bagaimana rakyat pula menunjukkan perasaan kasih mesranya kepada Allahyarham, perasaan kehilangan, perasaan kesedihan yang amat sangat yang ditunjukkan oleh rakyat semasa Allahyarham meninggal dunia baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya terpaksa mengulang apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, saya rasa negara kita kehilangan seorang pemimpin yang maha besar, seorang pemimpin yang sangat jujur kepada negara, bangsa dan tanahair, seorang pemimpin yang telah banyak mengorbankan jiwa raganya untuk pembangunan negara, untuk perkembangan agama Islam yang maha suci dan untuk menegakkan sebuah Kerajaan yang setabil di Asia ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat tenaga Allahyarham yang dicurahkan kepada agama Islam dalam negara ini kita tidak dapat melupakan, dengan rancangan luar bandaraya Allahyarham telah membina beribu-beribu masjid di seluruh negara kita ini dan ini adalah satu usaha yang paling tinggi, yang paling dihargai bukan sahaja oleh rakyat seluruhnya ialah oleh agama kita agama Islam yang maha suci. Kita rakyat seluruh negara ini berdoa semoga Allah akan mencucuri rahmatnya dan akan menghimpunkan rohnyanya bersama-sama dengan orang-orang yang sallah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru kita dan saya yakin

dan percaya Dewan ini sudah tentu yakin dan percaya bahawa beliau mempunyai kebolehan, mempunyai semangat dan kebolehan yang cukup untuk melanjutkan perjuangan yang telah diperjuangkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak itu, dan kita berdoa semoga Datuk Perdana Menteri kita yang baru ini akan sentiasa sihat dalam menjalankan tugasnya. (*Tepuk*).

3.19 ptg.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuh hati usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah diminta oleh Yang di-Pertua Kebangsaan M.C.A., Yang Berhormat Datuk Lee San Choon, untuk berucap bagi pihak Senator-senator dari Parti M.C.A. dalam Dewan yang mulia ini. Tugas yang diserahkan kepada saya hari ini adalah tugas yang sedih pernah saya jalankan. Sungguh banyak kata-kata pujian dan penghargaan telah dilafaskan atau ditujukan kepada Allahyarham Tun selama seminggu yang lalu.

Dan setiap perkataan yang dilafaskan itu adalah dibuat dengan sedih dan ikhlas. Saya percaya banyak lagi kata-kata penghargaan telah dikeluarkan secara diam-diam dari hati sanubari setiap rakyat yang dikasehi oleh Allahyarham itu, dan bagi mereka Allahyarham telah kurbankan nyawa dan jiwa raganya. Setiap orang harus ingat bagaimana kurus dan letihnya rupa Tun selepas beliau pulang dari Australia dan New Zealand dan sebelum dari itupun semasa beliau melawat Kelantan beliau pun nampak penat dan kurang sihat, tetapi beliau terus menjalankan tugas-tugasnya tanpa memberitahu sesiapa tentang sakit yang dihadapinya selama 6 tahun. Kepada rakyat jelata beliau ternampak sihat dan gembira tetapi hanya setelah beliau pergi ke alam baka, baharu kita tahu bagaimana didikasi dan berani beliau itu.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekarang rakyat tahu bagaimana dalam tempoh 5 tahun yang runcing itu beliau telah memimpin negara Malaysia dan bagaimana beliau telah meletakkan kembali negara ini dalam keadaan aman selepas peristiwa 13 Mei yang menggemparkan serta mengancam negara; bagaimana beliau melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Malaysia atas asas yang

kukuh; bagaimana beliau mewujudkan konsep Barisan Nasional dan mencantumkan 9 parti politik di bawah satu naungan; bagaimana pula beliau meletakkan asas yang kukuh bagi penubuhan ASEAN. Semua ini telah beliau laksanakan dengan penuh kesedaran bahawa beliau akan menemui ajalnya tak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menemui kematian secara mengejut adalah mudah tetapi menghadapi kematian apabila seseorang itu tahu bahawa dia akan mati adalah satu perkara yang sungguh susah; dan lebih-lebih lagi susah bagi seseorang itu berupa biasa dan menjalankan tugas-tugas harian dengan berdidikasi sedangkan ia tahu ajalnya akan sampai tidak lama lagi.

Mengetahui dan menyedari hal-hal inilah maka rakyat seluruhnya merasai sangat kehilangan yang dialami dengan kembalinya kerahmatullah Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri itu, seorang pemimpin besar Malaysia. Maka dengan kerana itu tidak hairanlah jika kita dapati Lapangan Terbang Subang dibanjiri oleh ribuan rakyat untuk menerima jenazah Allahyarham itu dan keluarganya. Dan dengan kerana itu juga berpuluh ribu rakyat dari semua lapisan datang membanjiri Bangunan Parlimen untuk memberi penghormatan terakhir, dan berpuluh ribu lagi rakyat dari seluruh negara berduyun-duyun pergi menyaksikan jenazah Allahyarham dimakamkan di Makam Pahlawan di Masjid Negara. Kadang-kadang terfikir di dalam kepala saya Tuhan agaknya tidak adil kepada kita kerana telah memanggil Allahyarham itu lekas benar semasa kita rakyat Malaysia dan negara Malaysia sangat memerlukannya iaitu di saat-saat negara menghadapi cabaran yang besar sejak ia diwujudkan—pada saat asas demokrasi dalam keadaan terancam. Tetapi ini tidak mungkin kerana Allah itu maha mengetahui iaitu Allahyarham menyahut seruan Allah pada saat beliau telah berjaya menanamkan kepercayaan keyakinan dan cinta dalam hati dan sanubari rakyatnya hanya yang dikesali ialah Allahyarham itu tidak dapat melihat atau menikmati hasil-hasil penat lelahnya. Ada pepatah mengatakan, iaitu ada dua jenis kematian: satu, ialah lebih ringan daripada bulu, dan satu lagi lebih berat daripada gunung. Kematian Tun itu adalah lebih berat daripada gunung. Dan kami berharap kedua-dua buah Dewan Parlimen yang mulia ini

akan menimbangkan satu-satu yang menasabah sebagai memperingati khidmat dan pengurbanan Tun kepada negara. Tidak syak lagi setiap rakyat Malaysia ketahui penuh Tun meninggal kerana Malaysia. Khidmat dan pengurbanannya seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tadi, patutlah ditulis dengan tinta emas dalam sejarah negara kita. Adalah dipohonkan semuga Allah Yang Maha Besar akan mencucuri rahmat ke atas rohnya.

Tuan Yang di-Pertua, sambil menyampaikan takziah dan simpati kita yang tidak terhingga dan tulus ikhlas ini kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya; izinkan kami juga memberi penghargaannya ke atas keberaniannya secara sunyi dan juga cara-cara yang penuh kehormatan beliau mengatasi kesedihan serta dapat mengembirakan kehidupan Tun semasa hayatnya, yang mana negara sangat terhutang budi.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah hendaknya negara kita memberi sokongan dan taat setia yang tidak berbelah bagi tanpa bersyarat kepada pimpinan Perdana Menteri baharu kita Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn Perdana Menteri kita yang baharu ini ialah jenerasi yang ketiga dari keluarga pemimpin-pemimpin yang terkemuka dan termasyhor. Keikhlasannya, sopan santunnya, keutuhannya, keberaniannya dan pandangannya yang jauh itu serta pengalamannya dalam politik akan membolehkan beliau menghadapi cabaran-cabaran yang hebat di hadapan kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baharu ini sesungguhnya orang yang layak sekali bagi menjalankan kerja-kerja yang ditinggalkan oleh Tun bagi pembangunan Malaysia dari segi ekonomi dan masyarakat untuk menjadikan masyarakat negara ini satu masyarakat yang adil, aman sentosa dan makmur. Marilah kita menjalankan tugas bersama-sama di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia dengan mengingati Tun iaitu dengan semangat Rukun-negara demi mencapai matlamat nasional iaitu mengwujudkan satu masyarakat bersatu padu atas landasan Dasar Ekonomi Baru yang diusahakan oleh Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein.

3.29 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya menyokong usul oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I beg to support this Motion on behalf of the Indian community in Malaysia.

It was one week before on this fateful day, the nation lost one of its greatest sons. The nation since then has gone through a traumatic period of deep grief and a sense of matchless loss. It is because of the depth of the grief, it looks as if we have lost Allahyarham Tun Razak a long time ago.

Tuan Yang di-Pertua, leaders are born; leaders are dead; leaders are respected; leaders are feared; but not every leader is destined to be loved as he may be respected. The depth of love that the nation had for Allahyarham Tun Razak could only be seen to be believed when the nation painfully realised he had gone. Allahyarham Tun Razak was not a leader in transit; he was a leader of an era, of an epoch, of our country. He played a pioneering and key role in shaping the modern and contemporary history of our nation. He is, therefore, a historical leader. He is an important part of our history as our history is a wholesome part of his life. Our history as a free nation has moved with most of his adult life for nearly thirty years.

He was one of the forefront leaders who set the purposeful journey for Merdeka, and the meaningful goals and pursuits of Merdeka. Often his task was challenging and exacting, both to mind and body, but he never faltered in facing it, always saying "do" but not "die".

Though Malaysia is small with a limited population, its problems were peculiarly complicated that most larger countries do not face. They needed deft and careful hadling and Allahyarham Tun Razak provided that dexterity in grappling with them and solving them. His way was pragmatic and empirical. Some said he lacked ideology in his political content and pursuit. This is not true. He was averse to textbook and tailor-made ideologies. His political, economic and social ideals and ideologies are home-made and are enshrined in the Rukunegara, the Constitution and the

New Economic Policy, to all of which he served as a guiding torch. Basically, he was a liberal and had his belief in parliamentary democracy. He proved this by reverting to parliamentary rule in 1971 as soon as he felt the rule by decree was not necessary. His style of politics was silkenly graceful, sincere, suave and always to the point. He was completely devoid of flamboyance and dramatics. In his speeches he avoided rhetorics but the true communicative strength of his speeches was his sincerity.

Like most lawyers, he had a great mind for details and this lent depth, quality and thoroughness to his leadership, though often at great strain to his mind and body. He loved his law and hoped to have the feel of practice one day. With this in mind, he sought admission to the Malaysian Bar at a touching and moving scene. The cruel fate did not let him fulfil this simple desire.

As a man he had a soft heart and a strong head. Often he did not reveal his soft heart and at times he was misunderstood. It was not always known that he was a man of compassionate and kind feelings. In taking decisions he did not allow his heart to rule his head when necessary, nor did he allow his head to dry his heart when compassion dictated it.

As a husband, Tuan Yang di-Pertua, he was warm and wonderful. He was essentially a family man who loved his wife and children, though the country did not give him the time he needed for his family. His long happily married life for about 25 years is a testimony to his qualities as a husband and the qualities of Toh Puan Rahah as his good, graceful and brave lady.

Tun Razak had become a doyen of state craft in our country. His experience as an administrator, politician and parliamentarian is second to none in the world. From a politician, he had soon matured into a statesman with wisdom and vision in internal and external affairs. It is not easy for a leader to last nearly 25 years in Party and Ministerial responsibilities. It is, indeed exceptional and unique. Leadership came to him and he never ran after it. In his role as the Deputy to Tunku Abdul Rahman both in the Party and the Government, he was a model of political fidelity and adaptability. He gave full loyalty and received full loyalty. He knew

that in politics, as in other fields, undivided loyalty has to be reciprocal and he set the pattern for others to follow in Malaysia.

One of his powerful achievements, Tuan Yang di-Pertua, as a leader was to articulate and motivate the people to be committed to socio-economic goals, both perspective and interim, and to make them move towards the realisation of these objectives. In short, the country under his leadership had started to move towards becoming a modern society from that of a traditional society.

The other message of Allahyarham Tun Razak is that the price of progress is hard and dedicated work at all levels. He tirelessly proved this until his last breath. Though God has taken Allahyarham Tun Razak, he will always be with us in our hearts and minds as a great leader and patriot.

He is now succeeded by his worthy lieutenant Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. The nation is thankful for this prompt and graceful transition and succession. The nation should completely rally around the leadership of Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn in fulfilling the life-long objectives of Allahyarham Tun Razak. Only by this commitment and performance can we really pay our tribute to Allahyarham Tun Razak.

May his soul rest in peace and guide us to further progress under the leadership of Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, our respected Prime Minister. (*Tepuk*).

3.37 *ptg.*

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali:
Assalamualaikum waruhmatullahi waba
rakatuh. Saya berdiri untuk menyokong usul
yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat
Perdana Menteri, Datuk Hussein bin Datuk
Onn baru sebentar tadi di atas mengucapkan
takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan
keluarganya. Saya bercakap tidak berapa
panjang kerana beberapa orang Ahli Yang
Berhormat sahabat-sahabat saya telah meng-
huraikan dengan panjang lebarnya di atas
jasa beliau yang telah lalu. Saya cuma
hendak mengucapkan ribuan terima kasih
kepada jasa-jasa baik Allahyarham Tun
Perdana Menteri kita dahulu di atas nasihat
dan pemberiannya ke atas pihak orang asli
di dalam Malaysia kita ini.

Saya mewakili lebih daripada 60,000 orang asli dalam tanahair ini mengucapkan takziah sekali lagi, dengan itu kami orang-orang asli tidak lupa juga berdoa ke khadrat Illahi moga-moga Allah cucuri rahmat ke atas roh Allahyarham itu.

Di samping itu, kami berharap kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru ini selalu mendampingi kami agar dapat melihat sendiri keadaan kami pada masa yang akan datang ini, sebab kami tidak begitu faham dan mengerti dan belum banyak menerima hasil-hasil yang terdapat daripada negeri kami. Oleh itu, kami berharap kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru agar dapat mendampingi kami dengan lebih dekat lagi.

3.42 ptg.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan yang amat sedih dan dukacita saya bangun memberi kehormatan, bagi pihak kaum minoriti (on behalf of the racial minorities) kepada Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, Perdana Menteri kita, yang kita semua kaschi. Kita semua tahu Allahyarham Tun adalah seorang yang sangat terkemuka di antara semua rakyat Malaysia.

(Dengan izin) Mr President, Sir, we all know our late Tun stands out eminently among the sons of Malaysia. He was a person of high calibre, high order and of international repute. He had great foresight, good fore-thought and was endowed with great gifts. Above all, as you have just heard from Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, he was a prodigious worker with a tremendous mental and physical drive and a high sense of purpose, hence he was able to accomplish many things, often overcoming great odds that would have discouraged and defeated the average person. The great metamorphosis this country has undergone and is undergoing is the work of this great man. Only a person of high principled character and courage, of wit and wisdom, of sheer grit and determination, of strength and forthrightness and above all the ability to organise and get things done by others, would undertake those bold innovative steps. Yes, Sir, he was truly a leader and a man of substance and standing and through his

words and acts he excited everyone's admiration so much so he had come to be better known as "Bapa Pembangunan" kita.

Further, through his dedication and devotion, inspired leadership and optimistic personality and democratic liberalism, he was able to instil hope and confidence in the hearts and minds of the people of all races throughout Malaysia, form the Barisan Nasional at the right time and win the General Elections with ease and grace. This was the work of a master mind and a diplomatic achievement of high quality.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kebolehan kita semua terhad dan tidak dapat mengikuti kebolehan Allahyarham tetapi kita semua sungguh hairan kebijaksanaannya kerana sekarang kita sedar bahawa he kept his incurable illness to himself and maintained his habitual poise and the customary equanimity and fortitude despite his poignant sufferings. What more, he continued to work harder for the betterment of his fellowmen inspite of his failing health and we all just watched him wane physically and wither away not knowing the real cause. His untimely passing has left a void, but how much richer he left us!

Kehilangan kita adalah sangat besar, sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baharu kita Datuk Hussein Onn tidak dapat menahan kesedihannya. The grief was so great that, like many others, he could not hold it within himself. Malaysia tersangat berhutang budi kepada Yang Amat Berhormat Tun beliau telah meninggikan imej Malaysia—raised the image of Malaysia di seluruh dunia for no one has ever striven harder or more successfully in our lifetime or my lifetime in this country and the sad truth is this great patriot and statesman, the super-specialist of peoples and problems is no more. So let us now turn to his sayings for a proper orientation at this hour when everything seems all dark and comfortless. As our Honourable Member just mentioned, marilah kita bersama-sama mengingatkan dan mematuhi apa yang dikatakannya :

"Masyarakat adil dan perpaduan semua rakyat yang berbilang kaum di Malaysia".

Sir, thus remembering and remembering, again and again the above, for as somebody said man's memory is short-lived, let us dedicate ourselves to work for the cause he

stood for and advocated through out his life, namely, "social justice and unity in diversity".

Akhirnya, kita semua berikrar akan memberi kerjasama dan sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang bahru Mudah-mudahan beliau akan berada di dalam sehat sejahtera.

3.49 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya wakil dari PAS bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya akan menyampaikan ucapan takziah dengan serba ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, berita kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, Perdana Menteri Malaysia, saya dan Ahli-ahli Dewan terima dengan terkejut dan di samping bersyukur serta mengucapkan Innalillahi wa inna ilaihi-rajiun. Daripada tanah kita datang dan kepada tanah kita kembali dan saya secara bersahaja telah turut bersama dengan berpuluh-puluh ribu rakyat Malaysia ke segenap lapangan di mana mayat Allahyarham berada sehingga berakhir disemadikan di Makam Pahlawan di sekitar Masjid Negara dalam keadaan suasana sedih dan pilu dengan kehilangan negarawan Islam yang terkenal di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kehilangan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein yang saya kenali dan telah kembali ke Rahmatullah adalah saya anggap sebagai seorang mujahid dakwah Islamiah dan Syahid fi sabilillah dan sebagai negarawan yang terkenal di negara dan di rantau ini dan di seluruh negara khususnya di negara-negara Islam. Juga sebagai bapa pejuang keamanan, kemakmuran dan persefahaman penyatuan antarabangsa dan juga pejuang bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya utarakan ini adalah berdasarkan Allahyarham telah menghadiri Persidangan Antarabangsa yang mengenai Islam di Rabbat, malah Allahyarham sendiri pernah menganjurkan Persidangan Islam Seluruh Dunia di Kuala Lumpur ini pada tahun 1969 dan tahun 1975. Allahyarham sendiri telah mengetahui Persidangan Islam di negara-negara Islam yang telah diadakan di New Delhi, India pada tahun 1975. Di masa Allahyarham juga telah

membentuk Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan di masa Allahyarham juga telah menubuhkan atau terbentuknya Badan Dakwah Islamiah dan Instituit Dakwah Islamiah dan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Wilayah Persekutuan yang mana tanda-tanda keagungan dan hukum-hukum dan ketinggian ugama Islam makin mula bersinar.

Allahyarham telah menumpahkan banyak khidmat semasa hayatnya kepada negara dan bangsa. Allahyarham seorang pemimpin yang tabah dan cekal, tegas dan berani, adil dan bertimbang rasa. Penubuhan Barisan Nasional telah menampakkan kukuh yang memandang jauh ke hadapan, persefahaman dan penubuhan Persatuan Serantau Asia juga membayangkan persefahaman dan bekerjasama adalah punca keamanan dan kemakmuran serta kemajuan serantau dan hormat-menghormati. Sekarang Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein telah pergi meninggalkan kita dan negara seluruhnya. Rugi memang rugi, hilang tetap hilang, tetapi Allah lebih mengetahui, lebih adil, lebih bijaksana dan berkuasa dan boleh berbuat sesuatu yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, maka setakat inilah sahaja khidmat Allahyarham kepada bangsa dan negara maka inilah menjadi kenangan dan contoh tauladan kerana itulah Allah memanggilnya, Allah menghendaki supaya ia kembali ke tempat asalnya; dari tanah kita datang dan kepada tanah kita kembali. Hanya harapan saya dan harapan Ahli-ahli Dewan ini semua semoga Allahyarham diterima dan direndhai Allah rohnya dan diterima jasadnya dan dimasukkan atau ditempatkan bersama-sama golongan orang-orang yang bertakqa dan mujahiddin seterusnya ke Syurga Jannatunaim.

Saya harap kepada balu Allahyarham, Toh Puan Hajjah Rahah serta putera-puteranya dan kepada setiap keluarganya supaya ber-banyak sabar dan bertenang. Kenangkanlah jasa-jasa dan budi baik Allahyarham adalah sebagai satu peninggalan yang akan diwarisi selama hayat dikandung badan, sebab tidak ada pertemuan maka mesti ada perpisahan. Tidak ada erti pertemuan kalau tidak ada perpisahan. Bersyukurlah ke hadrat Allah yang maha esa, berusaha kita dan berdoalah agar segala-galanya di dalam aman dan bahagia dan tercapai rukun hidup yang direndhai Allah.

Akhir sekali, saya dan Ahli-ahli Dewan ini memberi sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru dilantik.

3.55 *ptg.*

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi kehormatan untuk mengucapkan sepatah dua di dalam Dewan yang mulia ini menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru, Datuk Hussein bin Datuk Onn, untuk mengucapkan takziah tentang kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein bekas Perdana Menteri yang kita semua kasihi, hormati dan sanjung tinggi.

Di dalam suasana yang sedih dan pilu ini saya suka hendak mencatatkan di dalam rekod Dewan yang mulia ini perasaan yang terharu, perasaan yang bercampur sedih dan pilu dan banyak lagi emosi-emosi yang tidak dapat dizahirkan dengan perkataan di dalam menghadapi trajidi sebagaimana yang baru sahaja kita melalui iaitu pada 14hb Januari yang lalu di mana kita semua telah kehilangan seorang negarawan yang ulung. Seorang pahlawan yang telah memberikan khidmat bakti kepada negara dan bangsa. Di dalam masa lebih daripada suku abad iaitu daripada tahun 1950 apabila beliau balik dari England setelah mendapat ijazah sebagai peguam beliau telah berkhidmat sebagai Pegawai Kerajaan selaku Menteri Besar Pahang, selaku Menteri Pelajaran Malaysia yang pertama dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan setelah itu menjadi Perdana Menteri kita yang mana telah dipegangnya sehingga seminggu yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, jasa-jasa dan bakti beliau tetap tercatat di tempat yang sewajarnya di dalam tawarikh negeri kita. Memanglah daripada Tuhan kita datang dan kepadanya kita akan pulang. Yang pergi akan pergi bila sampai masanya atau bila sampai panggilan Tuhan. Sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua dan sebagai negarawan yang termasyhur di rantau ini, sebagai seorang ahli politik, nama beliau tetap tercatat sebagaimana yang saya sebutkan tadi buat selama-lamanya di dalam tawarikh negeri kita. Musim akan berganti dengan musim dan zaman akan berganti dengan

zaman, namun nama beliau akan disanjung tinggi oleh tiap-tiap seorang rakyat Malaysia yang sayangkan negara dan bangsanya. Beliau akan diingat sebagai pengasas dan pelupur Dasar Pelajaran Negara kita. Beliau akan diingat sebagai Timbalan Perdana Menteri yang memikul pula beban yang besar yang begitu berat menolong bekas Perdana Menteri kita Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di dalam menjalankan tugas-tugas negara.

Allahyarham akan diingat sebagai Bapa Pembangunan Malaysia oleh seluruh lapisan rakyat, biar mereka yang tinggal di kampung-kampung, mereka yang bekerja sebagai petani di seluruh ceruk rantau negeri ini, mereka yang menjadi nelayan di sepanjang lautan negeri kita, begitu juga mereka yang bekerja di ladang-ladang getah dan kelapa sawit di seluruh negara. Allahyarham akan diingati sebagai Perdana Menteri yang menyerah balik pada kita hak-hak asasi rakyat untuk memilih pemimpin-pemimpin mereka setelah terjadinya trajidi Mei 13 di mana Perlembagaan telah digantung. Jarang terdapat negara-negara di dunia yang memberikan balik kuasa-kuasa kepada rakyat setelah diambil kuasa-kuasa tadi. Allahyarham akan diingat sebagai seorang yang mempunyai sifat-sifat humanity sungguhpun beliau mempunyai begitu banyak kuasa yang diberikan oleh rakyat. Beliau tidak mempunyai sikap bongkak sedikit pun. Di dalam menjalankan tugas-tugas memerintah negeri ini beliau menjalankan tugasnya dengan adil dan saksama dan memberi kepada kita semua satu Kerajaan yang begitu stabil selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Negeri Sabah tetap menghormati jasa-jasa beliau dan peranan beliau di dalam membawa Sabah masuk ke dalam Malaysia. Negeri Sabah selalu akan mengingati kenangan manis bila beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang mewakili Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pergi ke ibu Negeri Sabah pada 16hb September, 1963 untuk mengisytiharkan kemerdekaan Sabah melalui Malaysia.

Kepada Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah serta lima orang anak-anak Allahyarham, kami mengucapkan takziah di dalam saat yang sedih ini. Bagi Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah beliau amatlah bertuah kerana mempunyai seorang

suami yang begini berjasa dan kepada anak-anak Allahyarham: Datuk Mohd. Najib, Encik Ahmad Johari, Encik Mohd. Nazim, Encik Mohd. Nizam dan Encik Mohd. Nazir yang mempunyai ayah yang sangat banyak memberi bimbingan kepada negara kita mereka amatlah bertuah kerana mempunyai ayah yang telah begitu banyak jasa kepada bangsa dan negara Malaysia.

Saya mengambil peluang ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kita yang baru Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn dan memohon doa ke hadrat Tuhan supaya memberi taufek dan hidayah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein di dalam menjalankan tugas-tugas negara. Kami semua yakin Yang Amat Berhormat Datuk Hussein akan melanjutkan perjuangan-perjuangan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang akan membawa bangsa dan negara kita ke tempat yang lebih tinggi dan kedudukan yang lebih mulia. (*Tepuk*).

4.03 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Dewan dari Sarawak, ini merupakan suatu penghargaan kepada saya kerana telah diberi peluang untuk menyampaikan bagi pihak rakan-rakan seperjuangan saya dari Sarawak dan juga rakyat Sarawak, sokongan kami terhadap usul merakamkan ucapan takziah yang disyorkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn dan juga menyampaikan perasaan simpati kepada Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarga di atas kembalinya ke Rahmatullah Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein. Kehilangan mereka adalah juga kehilangan kami dan saya percaya pemergian Allahyarham Tun dirasai oleh rakyat Sarawak yang sungguh-sungguh menghormati dan mengasih Allahyarham.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bukan sahaja telah melawat bandar-bandar di Sarawak tetapi pernah juga melawat rumah-rumah panjang serta melihat sendiri keadaan hidup rakyat di sana. Langkah Allahyarham itu adalah disanjung tinggi oleh penduduk-penduduk kami yang tinggal di kawasan-kawasan tersebut.

Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bertanggungjawab sepenuhnya dalam memberi Sarawak suatu Kerajaan yang kukuh dan stabil apabila Allahyarham memberi galakan dan sokongan penuh dalam penubuhan Kerajaan Campuran Sarawak dan selepas pilihanraya yang lalu telah menubuhkan Kerajaan Barisan Nasional. Ini telah memberi Sarawak suatu pentadbiran yang cergas dan stabil yang dapat mengatasi masalah keselamatan supaya pada hari ini kami dapat menikmati keadaan aman dan keselamatan yang lebih baik dalam Negeri Sarawak dan dengan itu telah mencapai kemajuan yang pesat dalam pembangunan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kami akan kehilangan pimpinan dan tunjuk ajar Allahyarham, tetapi kami percaya bahawa pengantinya Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn akan dapat meneruskan segala tugas-tugas yang telah dimulai oleh Allahyarham untuk kami.

Akhir sekali saya ingin menyampaikan sokongan penuh kami kepada Perdana Menteri yang baru dan memberi jaminan kepada beliau bahawa kami akan berusaha sedaya upaya untuk meneruskan kerja-kerja yang telah dimulakan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dan di bawah pimpinan Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman bin Ya'kub memberi taraf hidup yang lebih baik kepada rakyat Sarawak. (*Tepuk*).

4.07 ptg.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu penghormatan yang amat tinggi kerana saya diberi peluang dalam Dewan ini untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bertuah kerana telah dapat berkhidmat di bawah Allahyarham sebagai seorang Menteri Kabinet selama 1½ tahun. Dalam masa yang begitu singkat, saya telah dapat mengenai Allahyarham dengan lebih rapat sebagai seorang sahabat dan rakan. Saya amat menyanjung tinggi akan Allahyarham itu. Saya tidak malu-malu mengakui akan kurangnya pengalaman saya di bidang politik dan sambil itu juga saya mempelajari daripada lautan pengalaman dan kebijaksanaan Allahyarham seberapa banyak yang

boleh. Allahyarham orangnya yang menunjukkan kepada saya bagaimana mulianya menjadi ahli politik dan apa ertinya berkhidmat kepada rakyat. Daripada Allahyarham jugalah saya telah dapat mempelajari apa dia sifat-sifat untuk menjadi seorang pemimpin politik yang baik. Sifat-sifat itu ialah sabar, bertimbang rasa dan juga betul-betul kasih kepada rakyat.

Allahyarham sebagai seorang Perdana Menteri bukan sahaja mengambil tahu akan hal-hal tanggungjawab pentadbiran Kementerian saya pada masa itu, tetapi juga mengambil berat akan hal-hal kebajikan saya sendiri. Sebagai seorang Menteri Kabinet yang muda dan kurang pengalaman yang sama cepat masuk ke Kabinet dan begitu juga keluarnya, saya ada mempunyai beberapa masalah saya sendiri. Sungguhpun demikian, saya adalah terhutang budi buat selama-lamanya atas kemesraan dan nasihat-nasihat yang telah diberi oleh Allahyarham kepada saya dan juga cara-cara bagaimana Allahyarham telah mengambil berat atas kebajikan saya sendiri. Dan apabila malang telah menimpa diri saya, dan saya telah terpaksa meninggalkan Kabinet, Allahyarham ialah orang yang memujuk dan menasihati saya dan saya telah meninggalkan Kabinet dengan hati yang tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung ucapan dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Razak's record is long and brilliant. At home Allahyarham Tun Razak slogged tirelessly and selflessly for the advancement of the poor regardless of race and the establishment of a fair and just and equitable society through parliamentary democracy. The measure of Allahyarham Tun Razak's greatness is evidenced by the fact that he did not abuse the absolute powers entrusted upon him as the Director of the National Operations Council but instead he chose to return the power to the people and restored parliamentary democracy. Having done this, he set about to broaden the political base of the Government thereby minimising politicking and harnessing all the nation's energies for the economic growth and progress. The result was the Barisan Nasional which received overwhelming support and endorsement from the Malaysian people in the 1974 General Elections. Abroad Allahyarham Tun Razak enhanced Malaysia's image as a non-aligned nation,

blazed the trail for *detente* and rapprochement between China and South East Asia, promoted the cause of peace through neutrality in Asia and advanced the hopes and aspirations of the developing nations. I believe that the succeeding generations will remember him as a great Malaysian, as Bapa Pembangunan, as Bapa Demokrasi and as a seeker of peace among nations. Above all, Allahyarham will be remembered as a Statesman who literally sacrificed his life in the service of the nation and the world.

Marilah kita berdiri teguh di belakang Perdana Menteri kita yang baharu iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn dengan inspirasi dari contoh Allahyarham, marilah kita memupuk jiwa raga kita berkhidmat kepada Malaysia serta rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah saya menyokong usul ini. (*Tepuk*).

4.14 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas kehormatan yang telah diberikan kepada saya supaya dapat bersama-sama berucap menyokong usul untuk merakamkan perasaan yang amat dukacita atas pemergian Allahyarham Tun Abdul Razak.

Dalam decade pembangunan yang kedua ini, negara ini telah muncul sebagai sebuah negara yang terjamin sekali di dalam konteks negara-negara yang sedang membangun di dunia ini. Sesungguhnya proses pembangunan ini perlu berlaku di dalam keadaan susunan politik, sosial dan ekonomi yang kukuh, stabil dan memberi keyakinan kepada semua. Allahyarham Tun Abdul Razak di masa beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia telah merupakan nakhuda ulung kepada haluan proses pembangunan itu. Beliau telah dengan sepenuh tenaga dan usahanya menyediakan sentiasa suasana penting yang kita kehendaki itu. Bahkan Allahyarham seperti yang kita semua maklum dan juga dimaklumi oleh seluruh dunia telah mencurahkan usaha dan jasanya di luar batasan negara sendiri. Misalnya konsep dan realiti ASEAN serta pandang jauh yang terangkum dalam konsep perkecualian negara-negara kecil seperti kita di rantau ini akan sentiasa mencatatkan usaha-usaha Allahyarham itu. Di dalam negeri

sendiri, kemiskinan rakyat dengan masalahnya yang wujud daripadanya sentiasa menjadi perhatian berat dan keutamaan beliau, dan kerisauan serta kerungsingan Allahyarham tentang hal ini sangatlah jujur.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah selalu kita hendak memuji mana-mana pemimpin, tetapi kali ini bila kita mengenang kembali mutu kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak nyata sekali bahawa Allahyarham itu patut menjadi satu tauladan kepada kita semua. Di kalangan ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin negara yang dalam lingkungan umur sama dengan beliau sudah tentu keagungan kepimpinan itu telah banyak dibuktikan dan sentiasa menjadi kenangan. Di sebaliknya pula di kalangan orang-orang yang baru muncul dalam dunia politik dan kepimpinan tidaklah salah kalau saya katakan Allahyarham itu ialah seorang yang sangat-sangat dihormati, disegani dan kalau boleh ingin pula dicontohi.

Tuan Yang di-Pertua, segala-gala kejayaan dan pencapaian Allahyarham memang banyak telah terbukti dan faedah serta nikmat usahanya telah sama-sama kita rasakan. Sebagai seorang wanita, ingin saya rakamkan di sini bahawa untuk selama-lamanya Allahyarham Tun Abdul Razak akan diabadikan dalam sejarah kemajuan wanita di negara ini. Dalam masa Allahyarham memegang pucuk pimpinan negara ada banyak tercatat dalam sejarah kita tentang dasar-dasar dan implementasi dasar-dasar untuk mengikis diskriminasi terhadap 50% daripada penduduk negara ini, iaitu wanita. Allahyarham penuh keyakinan dengan sumbangan kaum wanita dan nyatalah bahawa beliau sentiasa menerima wanita dalam apa jua aspek pembangunan dan pimpinan negara jika wanita sendiri dapat menunjukkan kebolehan dan kesediaannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik beberapa rangkaian kata yang telah dikeluarkan oleh Allahyarham yang mencerminkan pemikiran beliau terhadap kaum wanita di negara ini. Beliau telah berkata:

“Kerajaan yang saya pimpin hari ini sentiasa memberikan perhatian yang berat terhadap kemajuan kaum wanita supaya mereka dapat memainkan peranan serta mengambil bahagian yang sewajarnya dalam pembangunan negara.”

Saya anggap ini sebagai kata-kata yang memberi penuh keyakinan kepada seluruh wanita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana dinamis sekalipun wanita di dalam sesebuah negara itu, mereka memang pasti tidak akan dapat menapak ke hadapan jika pimpinan negara sendiri iaitu pucuk pimpinan negara sendiri tidak mengiktiraf kedudukan mereka, dan saya dengan sangat sukacita menyatakan bahawa Allahyarham telah membuktikan pengiktirafan ini kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut menyampaikan takziah yang setinggi-tingginya kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarga atas kehilangan yang besar ini. Memang banyak pengorbanan Allahyarham sendiri kepada negara dan rakyat, tetapi tidak pula kecilnya pengorbanan Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarga, hanya semata-mata supaya rakyat jelata dapat menikmati faedah dari usaha dan masa seorang Perdana Menteri yang disayangi. Bahkan adalah diketahui oleh umum bahawa di sini seorang yang berjaya itu ada terdapat seorang rakan hidup yang menjadi ilham dan pendorong. Sudah tentu kita tidak dapat menilai betapa besarnya kehilangan Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Abdul Razak telahpun hilang daripada kalangan kita, tetapi tradisi kepimpinan serta landasan-landasan kukuh yang telah beliau adakan di masa hayatnya akan pasti terus dijalankan dan diperkukuhkan lagi oleh Perdana Menteri baru kita, iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. Marilah kita bersama-sama meneruskan perjuangan Allahyarham dan mengekalkan Malaysia yang maju ini di bawah pimpinan Perdana Menteri baru kita. Jika kita bersatupadu dan bersefahaman, maka saya rasa ringanlah sedikit beban serta tanggungjawab yang dipikul oleh Perdana Menteri kita yang baru.

4.20 ptg.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya usul yang dibawa dalam Dewan Negara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn dan Usul itu telah disokong oleh rakan saya yang lama duduk dalam Dewan ini iaitu Yang Berhormat Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, our late so beloved Prime Minister, Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, was indeed a great statesman and leader of Churchillian status, but having such sincerity and simplicity, he never indulged in showmanship but put all his efforts in the tremendous task of leading the Malaysian Nation with its multi-racial people both as Prime Minister and President of the National Front. With your permission, Tuan Yang di-Pertua, I should like to read a quotation from the world famous poet Lord Tennyson's "Ulysses".

"Though much is taken, much abide; and though

We are not now that strength which in old time

Moved earth and heaven, that which we are, we are made weak by time and fate, but strong in will

To strive, to seek, to find and not to yield".

It is the last stanza which to my mind brings the late Tun Haji Abdul Razak bin Hussein to our thoughts in particular as he strove to knit our multi-racial people into one united Malaysian Nation. He was always seeking to improve the conditions of the rakyat especially those classified as "have-nots", to find sufficient resources and funds to complete rural development of which he was "Bapa" and founder.

Finally Tun never yielded to pressure, internal or external, unless he thought it was necessary for the sake of Malaysia and all its people.

In conclusion, Tuan Yang di-Pertua, I fully support all the glowing tributes paid by all the Honourable Members to the late Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein.

Saya seorang warganegara keturunan Barat mengucapkan terima kasih banyak kerana diberi peluang berucap dalam Dewan ini. *(Tepuk)*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia dengan kebijakannya telah melafazkan bagi pihak kita perasaan sedih yang mendalam dan kehilangan yang amat sangat di

atas kembalinya ke Rahmatullah Allah-yarham Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, dan ini dirasakan oleh kita semua. Ahli-ahli Yang Berhormat dengan perasaan mendalam dan penuh keikhlasan, turut sama bersedih. Walaupun demikian, dalam keadaan yang sedih ini, saya ingin menambah sepatah dua kata bagi memperingati kehilangan seorang tokoh yang cemerlang dari kalangan kita.

Daripada masih kanak-kanak dan muda remaja lagi dan melalui karier rasmi dan awamnya yang cemerlang, Tun Abdul Razak menggambarkan kemajuan Malaysia daripada sebuah wilayah penjajah yang gelap kepada sebuah negara merdeka yang berjaya serta mempunyai harapan yang besar. Beliau adalah salah seorang arkitek yang utama membuat perubahan yang cemerlang ini dalam jangka waktu yang singkat. Sejarah kejayaan Malaysia seterusnya dari sekarang ini akan menjadi ukiran nisannya.

Tun Razak juga di masa hayatnya sangat terkenal di luar Malaysia, kerana sumbangannya beberapa tahun terhadap keamanan dan kerjasama antarabangsa terutama sekali di kawasan Asia Tenggara.

Saya telah bernasib baik berkenalan rapat dengan tokoh yang cemerlang ini baik secara peribadi mahupun di dalam kehidupan awam selama lebih daripada 24 tahun. Saya telah mengenali Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai seorang Islam yang taat kepada perintah Allah, seorang patriot yang besar, seorang yang mempunyai keutuhan tertinggi, keberanian dan pandangan jauh yang luar biasa, seorang yang percaya kepada perbuatan dan kurang berkata-kata, seorang bangsawan yang sentiasa merendah diri, baik dan murah hati.

Inilah masanya untuk bersedih; inilah masanya bagi kita mengenang kembali. Inilah juga masanya bagi melipatgandakan dedikasi. Tun Razak mengharapkan perkara ini daripada kita. Jadi marilah kita berazam menuruskan tugas-tugas dari mana beliau telah tinggalkan. Ubur telahpun diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru, Datuk Hussein Onn yang kita kenali sebagai seorang yang tegas, adil dan cekap. Marilah kita sama-sama memberikan sepenuh-penuh sokongan kepada beliau untuk memikul tanggungjawab yang berat ini. Dengan diberi jaminan sokongan dan taat

setia saya yakin bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn akan memimpin negara ini ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, bersatu dan mewah yang menjadi cita-cita selama ini oleh pemimpin-pemimpin yang masyhur sebelumnya.

Saya juga amat bertuah kerana dapat berkenalan dengan Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah lebih daripada 20 tahun. Wanita yang baik budi dan berani sentiasa menjadi satu punca daya kesenangan, ke-selesaian dan inspirasi kepada Allahyarham suaminya. Kita penuh bersimpati dengan Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya di saat-saat mereka dalam kesedihan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai mengenang jasa-jasa Allahyarham yang begitu banyak kepada bangsa, negara dan ugama, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan semua yang hadir berdiri bersama saya untuk bertafakkur selama dua minit dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin yang beragama Islam diharap dapat menghadiahkan Fatihah, sambil berdoa mudah-mudahan Allah cucuri rahmat ke atas roh Allahyarham itu. Al Fatihah.

(Majlis bertafakkur selama dua minit dan yang beragama Islam membaca Fatihah).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

USUL-USUL

PEMBERITAHU USUL

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun meminta izin bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 25, saya meminta izin Tuan Yang di-Pertua untuk mengemukakan satu usul bagi menentukan kuatkuasa beberapa Peraturan-peraturan Mesyuarat dan mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan-peraturan Mesyuarat 13 (1), 25 dan 26 hendaklah direntikan kuatkuasanya supaya membolehkan satu usul atas nama Yang Berhormat Datuk Wan Ibrahim dikemukakan dan dibahas sehingga diputuskan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan-peraturan Mesyuarat 13 (1), 25 dan 26 hendaklah direntikan kuatkuasanya supaya membolehkan satu usul atas nama Yang Berhormat Datuk Wan Ibrahim dikemukakan dan dibahas sehingga diputuskan.

UCAPAN TAHNIAH DAN SOKONGAN KEPADA Y.A.B. DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN SEBAGAI PERDANA MENTERI

5.04 ptg.

Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjong: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn atas perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada beliau di dalam melaksanakan tanggungjawabnya yang berat itu.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang berbahagia ini untuk menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan

penghargaan di atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru bagi menggantikan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang telah meninggal dunia baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi adat tiap-tiap yang hilang mesti diganti dan tiap-tiap yang patah mesti tumbuh atau dengan lebih jelas patah tumbuh hilang berganti. Sekarang yang hilang sudah diganti dan yang patah telah tumbuh iaitu gantinya ialah Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn bagi memimpin negara kita yang sedang mendong diselubungi oleh perasaan sedih dan duka nestapa berikut dengan kehilangan pemimpin besar kita yang amat dikasihi iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein. Saya percaya dan yakin penuh sebagaimana kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn, bahawa Yang Amat Berhormat ini akan meneruskan dasar dan cita-cita negara sebagaimana yang dikehendaki oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dalam menjalankan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia ini yang rakyat berbilang keturunan, berbilang bangsa dan berlainan kebudayaan dan ugama amat memerlukan seorang pemimpin yang gigih dan yang boleh menjamin kesetabilan keselamatan, politik, sosial, ekonomi dan keadilan kepada seluruh rakyat, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn, Perdana Menteri kita yang baru quantity dan qualitynya yang tersebut adalah yang paling layak untuk menggantikan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein yang kita kasihi itu. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn tidak akan dapat, pada pendapat saya memikul beban yang maha berat ini dengan seorang diri, melainkan mendapat sokongan, bantuan dan kerjasama dari Jemaah Menteri, Kerajaan-kerajaan Negeri, Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam, Tentera dan Polis serta rakyat jelata sekeliannya.

Lantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn telah mendapat sokongan hari-hari sehingga hari ini, di

saat ini ucapan tahniah mencurah-curah datang dari golongan rakyat jelata, guru-guru, Kesatuan Sekerja, oleh orang perseorangan dari berbagai-bagai golongan dan lapisan termasuk pemimpin-pemimpin negara sahabat dan negara-negara Asian, mudah-mudahan Malaysia akan menempuh zaman gemilang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru.

Saya sukacita mengulang sekali lagi menyeru mudah-mudahan dengan berkat kerjasama yang ikhlas dan erat dari semua pihak, kami berdoa ke hadrat Illahi moga-moga Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn akan menunaikan segala kewajibannya sebagai Perdana Menteri dengan cemerlangnya. Kami berdoa ke hadrat Allah s.w.t. mudah-mudahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru sentiasa mendapat taufek dan hidayah, dilanjutkan umur, sihat wal'afiat, dan di dalam peliharaan Allah s.w.t. dan dijauhkan Allah daripada bencana, aman damai dengan keluarganya hingga ke akhir hayatnya. Amin-amin, ya rabil alamin.

Akhirnya, saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara mencurahkan taat setia yang tidak berbelah bagi mendoakan serta memberi sokongan yang penuh kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn dalam menjalankan tugasnya sebagai Perdana Menteri yang baru.

Datuk Dr C. Sinaadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.10 ptg.

Tan Sri S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sungguh bertuah kerana diberi penghormatan untuk menyokong Usul tahniah kepada Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn. Perdana Menteri kita Datuk Hussein bin Datuk Onn mempunyai tradisi-tradisi politik yang terkaya dalam sejarah Malaysia. Beliau datang daripada keluarga yang telah memainkan peranan utama dalam pentadbiran negeri Johor selama tiga jenerasi. Allahyarham bapa Perdana Menteri kita pada satu masa ialah Menteri Besar Johor dan Menteri dalam Kerajaan Malaya dan beliau juga adalah pengasas UMNO dan bapa kebangsaan Malaysia. Beliau itu

ialah Datuk Onn bin Jaafar yang terkenal dan masyhur sebagai salah seorang pemimpin Asia yang terkemuka.

Saya masih ingat lagi tulisan dalam sebuah akhbar di London yang mengatakan bahawa arah pentadbiran Asia Timur terletak dalam tangan Datuk Onn bin Jaafar dan Sukarno. Dalam keluarga yang begitu terkenal dan masyhur ini Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn dilahirkan. Adalah tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenaan membuat pilihan yang cukup bijak dengan menawarkan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn menjadi Perdana Menteri.

Terdahulu daripada ini saya telah berkata Perdana Menteri kita itu mempunyai latar-beiakang yang sesuai untuk memimpin Kerajaan. Berdasarkan atas meritnya sendiri beliau berdiri tegak sebagai seorang yang mempunyai perhubungan dan pengalaman yang diperlukan bagi Perdana Menteri Malaysia. Sebagai seorang bekas pegawai tentera beliau telah menjalani latihan yang pesat di dalam college ataupun di dalam academy tentera. Beliau telah berkhidmat dalam tentera biasa. Beliau juga telah melihat gerakan dalam negara Egypt, Syria, Palestine dan Iraq, akhirnya beliau memasuki British Invasion Forces of Malaya dalam tahun 1945. Semua latihan ini telah menjadikan beliau seorang yang berpengalaman, berdisiplin, berdikari dan berdidikasi. Apabila beliau memasuki arena politik dalam tahun 1949-1950 kita semua biasa memanggil beliau sebagai Captain Hussein Onn. Yang Amat Berhormat Datuk mengikut jejak langkah bapanya yang cekap dan cemerlang itu. Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn adalah juga Setiausaha Agong yang pertama bagi UMNO dan Ketua Pemuda UMNO; pada masa itu beliau berumur 28 tahun sahaja. Datuk Hussein mempunyai pengalaman dalam pentadbiran police dan civil. Beliau telah menjadi Commandant Police Depot dan seorang Pegawai Daerah. Selain daripada itu, beliau mempunyai ijazah undang-undang yang mana beliau telah menjalankan amal selama beberapa tahun. Penyertaannya yang active dalam politik selepas tahun 1964 adalah diketahui umum.

Dalam tempoh yang akhir-akhir ini Perdana Menteri kita sebagai Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam berbagai-bagai portfolio telah menunjukkan kebolehannya menyelesaikan masaalah-masaalah rumit dalam negara; dengan sabar dan tabah beliau dapat menyelesaikan berbagai-bagai masaalah yang dihadapi oleh negara. Beliau nampaknya lemah-lembut, tetapi beliau mempunyai kegiatan yang hebat tidak terhingga dan telah menunjukkan penelitian yang rapi sehingga ke perkara-prekara kecil atau detail. Beliau adalah seorang yang baik hati tetapi dari segi kerja beliau adalah seorang task master dan baginya masa itu amat penting sekali. Beliau mempunyai senyuman yang menarik bagi sesiapa jua walaupun di saat-saat genting dan ini menyebabkan beliau mempunyai tenaga yang perlu untuk mengatasi sesuatu masaalah.

Dalam tempoh hayat Allahyarham Perdana Menteri kita, Tun Haji Abdul Razak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru Datuk Hussein sentiasa berada di sebelahnya sebagai tiang kekuatan yang sanggup bersedia membantunya pada setiap ketika. Beliau telah mengambil tugas mentadbirkan negara dengan seriousness sehingga pada satu ketika Allahyarham Tun Haji Abdul Razak pernah berkata kepada saya bahawa apa yang menjadi masaalah kepada Datuk Hussein Onn ini ialah beliau sentiasa sedar akan kerja-kerjanya dan tidak mahu mengambil rehat walaupun sebentar. Sesungguhnya Allahyarham Tun Haji Abdul Razak juga dikatakan serupa keadaannya. Nampaknya di antara dua tokoh itu tidaklah boleh kata-mengata seperti pot calling the kettle black.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya setiap orang di seluruh negara setelah menyapu titisan air mata kerana kehilangan Allahyarham Tun Abdul Razak, dengan sesuka hati mengalu-alukan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn sebagai Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri dan berdoa kepada Allah subhanahu wataala semoga Perdana Menteri kita itu sentiasa dalam kegemilangan, kesihatan dan panjang umur.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana usul di hadapan kita ini akan diselesaikan pada pukul 6.30 petang ini atau sebelumnya, maka saya ingin tahu berapa ramai Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap. (*17 Ahli bangun*). Ada seramai 17 orang Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap. Oleh kerana masa ada 67 minit sahaja, saya beri tiap-tiap seorang selama tiga atau empat minit sahaja untuk berucap. Usul ini terbuka untuk perbahasan.

5.23 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang yang pertama pada petang ini walaupun hajat dan hasrat hendak bercakap lebih banyak tetapi oleh sebab telah ditetapkan masa maka saya sedia mematuhi-nya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh sepuluh tahun saya berada di Dewan ini, saya masih ingat ada tiga pepatah yang saya buat sendiri. Pertama, Dewan akan ketawa kalau mendengar celoteh Tunku Abdul Rahman. Walau bagaimana susah sekalipun, apabila kita mendengar celoteh, ragam ketawanya kita akan tersenyum. Yang kedua, apabila kita mengadu satu-satu perkara, kesulitan, kesusahan kepada Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, beliau akan menyelesaikan dengan senang hati dan kita dapat penuh kepuasan. Tetapi yang paling payah hendak mendapat senyum daripada Allahyarham Tun Doktor Ismail. Beliau masuk ke Dewan ini atau di luar Dewan dengan tidak ada senyum bahkan barang siapa dapat senyumannya sebagai dapat ilham pada hari itu. Jadi, inilah kemasyhuran Dewan ini atas tiga perkara yang boleh kita bandingkan dengan keagungan Kerajaan kita Melaka pada zaman dahulu, iaitu Bendahara Seri Maharaja. Keadilan Bendahara Seri Maharaja memerintah negeri Melaka sebelum Melaka dikalahkan oleh Peringgi. Pisang jarum menunjukkan banyaknya dagangan yang melimpah ke bandar Melaka daripada hulu negeri, daripada hilir negeri, segala dagangan dan segala muatan datanglah pedagang-pedagang dari luar negeri dan dalam negeri, maka kemasyhuran itu ialah pisang jarum.

Tuan Yang di-Pertua, pisang jarum itu ialah sebuah pisang yang sangat payah tumbuh, halus tetapi manis dan madu rasanya. Yang ketiga, Perigi Bukit China.

Perigi Bukit China ini masyhur kerana perigi ini digali pada masa kedatangan Panglima Cheng Ho ke Melaka. Barang siapa minum air perigi Bukit China ini maka ia akan terkenal negeri Melaka. Airnya yang jernih, begitu mewahnya negeri Melaka, di zaman gemilangnya, diceritakan oleh Buku Sejarah Melayu.

Maka pada saya ketiga-tiga bandingan ini telah saya bandingkan daripada awal ucapan saya tadi. Kelucuan Tunku, kepuasan mendengar nasihat Tun dan ilham yang dapat daripada senyuman Allahyarham Tun Dr Ismail. Pada saya lantikan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn ini adalah satu pilihan yang sangat bijak. Pilihan yang kena pada tempatnya pada masa suasana kita di dalam sedih. Kita telah melantikkan orang yang memimpin negara kita kepada orang yang betul-betul telah melakukan pemilihan yang sangat bijaksana. Yang demikian, saya tidak syak dalam pimpinan ini, dalam zaman pemerintahannya, dalam zaman hidupnya sebagai Perdana Menteri, beliau akan melakukan keadilan dan melangsungkan dan melanjutkan segala perkara yang telah dilakukan, dicatetkan dalam masa Allahyarham Tun Haji Abdul Razak.

Saya sedar pada tahun 1946 pada mulanya Kongres Kebangsaan Melayu yang pertama yang diadakan di Kelab Sulaiman, Kuala Lumpur, pada masa itu saya masih berumur 23 tahun dan saya menghadiri sebagai seorang wakil dalam perhimpunan itu. Ayahandanya telah memimpin pergolakan menentang Malayan Union. Pada masa itu Yang Amat Berhormat itu masih di dalam pelajaran lagi. Ia kembali ke tanah airnya ialah sebagai seorang tentera British yang berpangkat Kapten sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla. Berkecimpung dalam politik hampir 25 tahun, dan akhirnya beliau telah menjadi bukan sahaja ahli politik, tetapi juga menjadi Pegawai Tadbir. Penduduk Kelang masih ingat bagaimana beliau menjadi Pegawai Daerah di Kelang. Pada masa itu pandangannya tidak mencukupi keadaannya. Beliau telah berangkat ke England mengambil pelajaran undang-undang, yang akhirnya beliau berjaya dan membuka firma peguam sendiri. Dan pada masa kebelakangan ini bersama-sama kita pula memimpin negara sebagai Timbalan

Perdana Menteri. Beliau seorang yang mempunyai pengalaman dalam politik, pengalaman dalam tentera, pengalaman dalam pentadbiran, pengalaman yang ulung dalam parti, tidak syak dan tidak waham kebolehannya itu boleh membantu beliau bagi mentadbirkan negara. Tetapi walau macam-manapun, Tuan Yang di-Pertua, sesuatu masalah itu tidak akan dapat diselesaikan jika kita tidak sama-sama membantu beliau. Jemaah Menteri, anggota tentera dan Polis tidak bersama-sama membantu beliau. Jadi, beban yang beliau tanggung itu tidak dapat diringankan kecuali sebagaimana yang saya katakan tadi. Maka di sini saya berseru, marilah kita bersama-sama mengucapkan tahniah kepada beliau yang telah dilantik menjadi Perdana Menteri yang baru yang telah berazam akan meneruskan perjuangan mengikut lunas-lunas yang telah diasaskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Saya berdoa kepada Allah mudah-mudahan kesihatannya bertambah baik, aman damai dan dapat menghambakan khidmatnya kepada negara seberapa boleh yang dapat. Mudah-mudahan negara Malaysia akan melalui zaman yang aman, bahagia dan makmur.

5.31 ptg.

Tuan Kam Woon Wah: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I fully support the motion as proposed by Senator Datuk Wan Ibrahim.

Sir, we have still not completely recovered from the shock over the sudden passing of our former beloved Prime Minister. During the last few days, we have witnessed the spontaneous reaction of shock, disbelief and, finally, sadness of the people from all walks of life. Many people who did not know him personally even shed tears uncontrollably and also in public. What better tribute of fondness can a nation give to its leader! What further evidence is required of the people's love for him!

He was a great man, great not only in the sense of a wellknown personality in Malaysia and in the world, but great in the sense of a man. He was good, understanding, humble, helpful and, above all he behaved like any one of us. In his quiet way he had moulded and guided many of us when we went to him for advice. I say all these words without any fear of contradiction from any quarter who had known him. Every one of us had admired and eventually loved him.

Mr President, Sir, with his passing, the onerous task is now thrust upon Datuk Hussein Onn, our present Perdana Menteri. He is no stranger to us and has shown all the qualities of his predecessor during his short tenure of office as Deputy Prime Minister. It would not be absolutely correct to say that everything is rosy in the Garden of Malaysia today, especially when this is a multi-racial country with all its inherent difficulties. We have our problems such as racial, social, economic and political. But we are fortunate to have Datuk Hussein Onn to guide the nation to peace and prosperity. His job is not an easy one, as Shakespears said, "Uneasy lies the head that wears the crown." I am sure with all these seeming difficulties he will rise to the occasion and accept all the challenges ahead of him. It is on him we trust. It is on him we place our confidence, and we pray that all of us, with him, can march together hand-in-hand towards a glorious future for Malaysia.

The people of Malaysia should now rally round him and give him all the support he requires. We know he is a man of principle and he is a man imbued with a sense of justice. We have complete confidence in him and he also can rest assured that all of us will stand by him through thick and thin. May God grant him strength, wisdom, courage and happiness.

5.36 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Usul memberi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri yang baru.

(*Dengan izin*) Sir, our new Prime Minister has taken over the leadership of the country at a very difficult and crucial period of the nation's history. It is vitally important, it is of paramount importance, that the entire people, the entire nation should stand behind his leadership and support him for the continuous progress, peace and harmony of the country.

The qualities of our new Prime Minister have been known to us. He is a man of selfless calibre. He has unquestioned integrity, honesty and simplicity. He is also a very serious man.

Sir, in this corrupted, chaotic and turbulent world, it is very difficult to find leaders who are dedicated to the cause of nation-building, who are dedicated to provide the fundamental and basic requirements of their people, who are dedicated to provide a decent and a better life for the people whom they lead. In this world, it is common to find leaders who rule their nations with an iron hand, and when they disappear people rejoice at their disappearance.

Our entire nation had been stunned and shocked and numbed over the sudden and unexpected passing away of our beloved Tun. The demonstration of the entire nation, the sadness and the grief expressed by the people had shown and indicated the greatness of the late Tun Haji Abdul Razak who, in the short history of this country, had become a very great Malaysian.

Sir, I would like to take this opportunity to congratulate and also to extend my personal congratulations to the new Prime Minister. May God bless him and keep him in good health, and may he lead us for a long time.

I wish to compare the late Tun Haji Abdul Razak in this House—so many words have been spoken about him that I just cannot search for any words because all has been said and glowing tributes have been paid to our late beloved Tun—to Mahatma Gandhi. Mahatma Gandhi came as a world leader and as the greatest Indian during the period when three-quarters of the world were innocent, the people were innocent, the people were ignorant; but if you compare Tun Razak, he became the greatest Malaysian and a very great leader when the entire people of the world were too clever, when the entire world was corrupted. It is very difficult to find a man who even in the last breath of his life was so much devoted to the country, who did not care for his own self, a man who had been seriously ill for more than six years, devoting his entire self to the cause of nation-building and to finding a better life for us, the people. I would only repeat what has been already said: my profound and deep sorrow and sympathy to the country, to the people of Malaysia and to Toh Puan Rahah and her family.

Once again, I call upon the entire people to support our new Prime Minister, Datuk Hussein bin Datuk Onn for our continued progress, national unity and peace.

5.41 Ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang dipertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih dan juga tahniah dan mengalu-alukan Perdana Menteri yang baru iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn yang telah dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Saya tidak hendak bercakap panjang kerana masa terhad tetapi apa yang kami minta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru bagaimana Allahyarham Tun Haji Abdul Razak telah menjalankan pimpinan terhadap wanita-wanita yang telah memberi lebih kehormatan di dalam Dewan Undangan Negeri atau Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara yang mana kami berharap kepada Yang Amat Berhormat permintaan-permintaan wanita ini akan tidak dihampa atau ditinggalkan begitu sahaja sebab wanita-wanita ini memberi sokongan terhadap parti, perjuangan, pemimpin yang datang dan yang telah pergi.

Saya juga tahu riwayat Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn yang mana saya bersama-sama berjuang di dalam UMNO. Saya tahu beliau adalah bersifat tegas, tidak boleh dipujuk atau tidak boleh bermain-main kepada Yang Amat Berhormat itu kerana sebagaimana kata Yang Berhormat Tan Sri Datuk Ubaidulla tadi sungguhpun lemah-lembut, tetapi semangat beliau bukan sebagaimana yang telah kita katakan lemah-lembut, sebaliknya lebih keras lagi sebagaimana yang kita tahu daripada pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu.

Saya percaya dengan adanya pimpinan Perdana Menteri yang telah dilantik pada hari ini, negara dan rakyat kita boleh mendapat kemewahan sebagaimana yang telah diatur oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang telah meninggalkan kita seluruh rakyat warganegara negeri ini. Saya percaya Yang Amat Berhormat ini akan mengambil tindakan-tindakan yang telah ditinggalkan oleh Allahyarham dan juga pesanan-pesanannya sebelum Allahyarham pergi ke London, kami kaum wanita telah berjumpa kepada Allahyarham dan telah berpesan kepada kami tetapi tidak menyangka Allahyarham itu meninggal dunia dalam masa yang singkat.

Sungguhpun saya tidak bercakap di dalam masa ucapan takziah kepada Allahyarham Tun tadi, saya berdoa kepada Allah

subhanahu wataala akan mencucuri rahmat kepada Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dan juga saya ucapkan terima kasih kepada Toh Puan Hajjah Rahah yang mana bersama-sama mengambil peluang memberi keizinan kepada suaminya mengambil langkah yang penting di Malaysia ini, walaupun Yang Amat Berhormat itu telah berjuang, kalau Toh Puan Hajjah Rahah tidak membenarkan maka Allahyarham itu tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya. Inilah wanita yang ulung sekali yang memberi kebenaran kepada suaminya tidak hirau kanan dan kiri. Saya berdoa supaya Toh Puan Hajjah Rahah ini akan dapat mencapainya cita-cita wanita seluruh Malaysia ini.

Sekianlah sahaja saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya bercakap dalam masa yang singkat ini.

5.46 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sepetah dua kata untuk menyokong usul ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Wan Ibrahim sebentar tadi.

Baru sekejap tadi kita telahpun meluluskan satu usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bagi mengucapkan takziah di atas kehilangan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kita yang boleh kita sifatkan sebagai seluruh rakyat Malaysia dan negara kehilangan seorang pemimpin agong atau boleh disifatkan kita kehilangan sebatang payong tempat berteduh dan kehilangan satu dahan tempat kita bergantung; khasnya bagi kami rakyat negeri Trengganu adalah sebagai kehilangan seorang bapa tempat bermanja. Saya berkata demikian Allahyarham Tun bukan sahaja sebagai Perdana Menteri Malaysia atau Pemimpin Agong Malaysia, tetapi juga sebagai pemimpin yang tertentu bagi negeri Trengganu kerana beliau adalah juga sebagai Ketua UMNO seluruh negeri Trengganu semenjak beberapa lama.

Sebagaimana yang kita ketahui walaupun negeri Trengganu adalah sebuah negeri yang termundur dalam Malaysia, tetapi sejak akhir-akhir ini di bawah arahan, pimpinan,

tunjuk ajar Yang Amat Berhormat, Alhamdulillah boleh dikatakan kedudukan telah bertapak ke hadapan dan telah menunjukkan kemajuan bagaimana yang telah dicapai oleh negeri-negeri jiran pada masa yang telah lalu. Tetapi Alhamdulillah, walaupun kita kehilangan pemimpin agong yang saya sebutkan tadi kita telah dapat seorang pemimpin yang lain untuk menggantikan tempat beliau yang boleh diibaratkan sebagai patah tumbuh hilang berganti.

Lantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri yang baru adalah sangat kena pada tempatnya. Saya rasa pada masa ini tidak ada yang lebih layak daripada beliau untuk memimpin negara dan rakyat menuju ke arah pembangunan dan kesejahteraan di masa-masa yang akan datang. Kita semua mengetahui bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn adalah seorang yang tegas dan cekap serta suka berterus-terang dalam segala masalah yang dihadapi oleh beliau.

Saya dapat mengetahui dengan jelas akan kedudukan pendirian beliau terutama sekali dalam masa beliau memegang jawatan sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian selepas pilihanraya yang lepas. Dalam masa beliau memegang jawatan itu salah satu daripada tugas yang telah beliau jalankan ialah untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang telah dirangka oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, iaitu hendak menaikkan taraf bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Maka tugas ini telah dijalankan dengan amat bersungguh sekali oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn Perdana Menteri kita yang ada sekarang. Beliau telah menjelajah ke seluruh negeri dalam Malaysia untuk menggesa dan memberi semangat serta memberi tunjuk ajar kepada rakyat bumiputra dan juga badan-badan berkanun yang ada kaitannya yang diberi tugas menjalankan peranan bagi menjayakan rancangan ini. Daripada ketegasan inilah maka kita dapat mengakui bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn adalah seorang pemimpin yang cekap dan boleh dibuat harapan oleh seluruh rakyat yang ada dalam negara kita ini.

Oleh kerana kita sedar bahawa ajal maut manusia ini adalah dalam kuasa Tuhan, tetapi ikhtiar di tangan kita manusia, maka saya berharap kepada Yang Amat Berhormat

Datuk Hussein Onn hendaklah berhati-hati menjaga kesihatan beliau supaya kita tidak kehilangan sebagaimana kehilangan yang tidak disangka-sangka yang telah kita alami baru-baru ini. Dengan kerana itu, saya berharap dan juga saya percaya seluruh rakyat lain juga berharap supaya beliau melantik dengan segera Timbalan beliau, kalau boleh, biar pun sampai dua orang timbalan yang pertama dan timbalan yang kedua, untuk membahagi-bahagikan kerja yang amat berat yang beliau pikul pada hari ini supaya dapat meringankan sedikit kesihatan beliau dan barangkali mungkin lebih lanjut lagi usia beliau untuk memimpin kita semua ke arah kemajuan yang kita ingini.

5.53 *ptg.*

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong usul mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru, Datuk Hussein Onn yang telah dikemukakan di dalam Dewan ini.

Perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri adalah sama seperti keadaan yang tiba-tiba yang tidak dirancang dari mula, yang tidak ada difikirkan dari awal.

Sedang matahari memancar dengan teriknya,
menyinari alam buana yang gelap ini,
tiba-tiba angin bertiup sepoi-sepoi bahasa,
petir dan halilintar sabung-menyabung,
hujan ribut membasahi bumi yang indah ini,
tiang seri patah terkulai,
rakyat terharu,
air mata bercucuran,
setiap muka muran dan duka
dengan kehilangan yang tidak disangka-sangka
Pemimpin besar kita, Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang patah pasti akan tumbuh, yang hilang pasti akan berganti, "Fainna ma'al 'usri yusran, inna ma'al 'usri yusra." Perjuangan pasti diteruskan, rintihan jiwa rakyat mesti diisi, tangisan rakyat yang miskin mesti dileraikan, bahtera negara mesti dilayarkan, menuju pantai bahagian raya, menuju negara aman dan

damai. Datuk Hussein sebagai Perdana Menteri yang baru ini diberi amanah bukan sahaja oleh rakyat, tetapi amanah dari Allah subhanahu wataala bagi menjalankan tugas dan kewajipan.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Hussein Onn seorang yang telah melalui 1001 macam cubaan hidup sejak daripada mula sampai beliau memegang jawatan ini. Di dalam politik, di dalam perkhidmatan Pegawai Pentadbir beliau telah melalui berbagai-bagai peristiwa yang tidak dapat beliau lupakan. Beliau ialah penjuang di dalam arina perjuangan kebangsaan Melayu di saat orang Melayu dan bangsa Melayu hendak dilenyapkan, bapanya bangun membela bangsa Melayu dan beliau sebagai pahlawan di saat itu. Pengalaman ini semua akan membawa ilham kepada beliau dan saya tidak ragu-ragu dan tidak sedikit syak dan wasangka bahawa beliau akan sanggup menyambung perjuangan daripada Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Bagi kita dan bagi saya yang mewakili Negeri Perak, kehilangan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak merupakan satu kehilangan yang besar bagi Negeri Perak, oleh kerana bukan sahaja negeri Trengganu kehilangan kerana Ketua Perhubungannya, tetapi juga bagi kami dahulu Ketua Perhubungan UMNO ialah Tun Abdul Razak memimpin Negeri Perak dan kami merasa kehilangannya, tetapi pada saat sekarang ini kami meletakkan harapan yang penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru, Datuk Hussein Onn bukan sahaja memimpin daerah-daerah dan negeri-negeri, tetapi memimpin seluruh rakyat dan saya yakin kita akan memberikan sokongan kita yang tidak berbelah-bagi kepada beliau dan kita harap kepada Allah Subhanahu wataala biarlah airmata kita ini kering sebentar dan biarlah perjuangan ini kita teruskan dan kita berdo'a sekali lagi supaya Yang Amat Berhormat akan tetap diberi hidayah oleh Allah, bertambah kukuh di dalam iman dan memegang amanah Allah yang berbunyi di dalam Al-Quran:

"Wa-amruhum syura bainahum, fa-iza

"azamta fa-tawakal 'alallah."

"Hendaklah selalu mengadakan mesyuarah di dalam semua urusan pentadbiran dengan kawan-kawan seperjuangan dan kalau telah berazam, telah cecal di dalam hati maka berserahlah kepada Allah."

Kedua ayat inilah saya sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein supaya memegang kedua-dua ayat ini, mudah-mudahan Allah memberi petunjuk kepadanya.

5.58 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri yang baharu sebagai seorang rakyat Malaysia, saya sesungguhnya berasa sangat sedih diatas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Saya sebagai seorang rakyat mendoakan muga-muga Allahyarham Tun akan diberi tempat yang wajar nanti di syurga oleh Allah subhanahu wataala.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang terhadap ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, tetapi memang telah disangka iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia dengan otomatiknya menjadi Perdana Menteri Malaysia. Tadi rakan-rakan saya telah bercakap berkenaan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn dengan qualification yang ada kepada Yang Amat Berhormat Datuk, maka Yang Amat Berhormat Datuk dapat memimpin negara ini seperti mana yang telah dipimpin oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Saya sebagai wakil negeri Selangor memberikan sokongan yang sepenuh-penuhnya kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru dan rakyat Malaysia berharap moga-moga dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn yang telah dikatakannya tadi iaitu kuasa adalah satu tanggungjawab. Dia telah mengatakan dengan terang dan nyata, kuasa adalah tanggungjawab, maka dengan tanggungjawab inilah saya yakin dan percaya Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn akan menjalankan kewajibannya terhadap negara yang berbilang bangsa ini.

6.02 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak menyokong usul yang ada di hadapan kita ini rugi,

sebab saya datang dari Johor. Saya memberikan sokongan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Wan Ibrahim yang ada di hadapan Dewan ini dan saya memberikan tahniah kepada Dewan Neagra kerana membawa usul ini. Saya memikirkan bahawa usul ini tidak akan dikemukakan di Dewan tetapi hanya di Dewan Rakyat sahaja. Ini satu kebijaksanaan Dewan Negara dan saya ucapkan tahniah dan dengan ini juga kami Ahli-ahli Dewan Neagra dapat berpeluang bercakap, walaupun tidak dapat bercakap dalam ucapan takziah tadi, tetapi dapat juga bercakap dalam ucapan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak komen banyak dalam masalah ini tetapi saya kenal benar bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Saya telah mengikuti beliau daripada menjadi ahli UMNO sebagai Ketua Pergerakan Pemuda masa itu saya pernah berbaris di padang Johor Bahru dan beliau pernah menjadi Pegawai Home Guard dan saya juga telah menjadi Pegawai Home Guard. Oleh itu, saya mengetahui benar akan sifat-sifat beliau mempunyai kelayakan yang boleh menjadi pemimpin yang berkelibar besar.

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan telah menjadi peraturan alam yang dijadualkan oleh Tuhan bahawa Perdana Menteri yang pertama itu ialah orang Kedah, Perdana Menteri yang kedua orang Pahang, kebetulan Perdana Menteri yang ketiga orang Johor. Jadi, bila disebutkan orang Johor termasyurlah bahawa rakyat Negeri Johor itu salah satu tradisi yang diberi oleh Tuhan ramai orang bijak pandai yang boleh memerintah dan mentadbirkan negeri ini. Jadi, Allah Taala telah menghantarkan sifat-sifat ini kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn dan atas jasa-jasa yang telah dibuat oleh Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar. Kalau Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar tidak dapat menjadi Perdana Menteri pada saat itu tetapi anaknya telah mewarisi, Tuhan telah hantarkan dia. Saya percaya bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baharu ini dia memang sahabat baik dan berkeluarga dengan Allahyarham Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein dan keluarga ini saya kata sangat beruntung besar. Pertama sekali yang beruntung besar itu ialah Tan Sri Haji Mohamed Noah bin Omar, bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara sebab daripada

dua anaknya telah menjadi isteri kepada kedua-dua Perdana Menteri. Ini satu benda yang sangat berbahagia kepada bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah dikatakan tentang kelayakan, kebolehan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baharu di samping menjadi Pegawai Tentera, Pegawai Pentadbir beliau juga sebagai seorang peguam. Selain daripada itu, saya memberikan satu pandangan dan sokongan yang kuat bahawa setelah beliau menjadi Menteri Pelajaran, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, semuanya berjalan dengan baik dan licin, dan semua pegawai di bawah Kementerianya dan rakyat tidak dapat memainkan-mainkannya. Dia memberi satu arahan yang sempurna, tegas dan kerja itu berjalan dengan licin. Kemudian baharu-baharu ini beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Ini satu keistimewaan kepada diri beliau bahawa sesungguhnya di Malaysia tidak pernah terjadi Menteri Kewangan itu dilantik daripada bumiputra, tetapi Alhamdulillah beliau selain daripada menjadi Timbalan Perdana Menteri telah menjadi Menteri Kewangan dan menjalankan pentadbiran kewangan dengan baik dan licin dan dapat kerjasama daripada semua lapisan rakyat dalam negeri ini. Jadi, kelayakannya menjadi Perdana Menteri itu adalah kena pada masanya. Selain daripada itu, beliau telah berjanji dengan kita bahawa beliau akan meneruskan perjuangan yang telah diamanatkan oleh Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri iaitu meneruskan Dasar Ekonomi Baru yang diharapkan oleh rakyat dan perpaduan rakyat dan juga mengeneppikan kepentingan diri sendiri.

Satu slogan yang sangat baik, Tuan Yang di-Pertua, dia telah mengatakan kuasa adalah tanggungjawab bukan nikmat. Pada masa dahulu banyak orang menyalah ertikan, kuasa yang ada pada diri mereka itu dijadikan nikmat pada dirinya. Ini saya fikir kalau ada pemimpin yang mengamalkan dasar ini pemimpin itu akhirnya akan rosak, akhirnya akan menerima berbagai-bagai kesulitan dan halangan. Jadi, saya fikir slogan yang dicakapkannya itu, kuasa adalah tanggungjawab, itu adalah sebenar-benarnya yang patut diterima dan diamalkan oleh semua pemimpin.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga ahli-ahli Kabinet janganlah memikirkan diri sendiri. Perdana Menteri kita yang baharu sekarang adalah sama juga kedudukannya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri yang baharu ini adalah seorang yang cukup tegas. Saya berharap Yang Berhormat Menteri-menteri yang ada dalam Kabinet akan memberikan kerjasamanya seperti yang diberikan dahulu kepada Allahyarham Tun Abdul Razak.

6.08 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, hanya sebentar tadi kita dalam perasaan yang amat dukacita dan sedih kerana kita telah melafazkan ucapan takziah kepada balu Allahyarham Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein. Perasaan muram yang menyelubungi kita selama seminggu ini masih berada tetapi keadaan muram itu sudah kurang sedikit kerana perlantikan baharu yang dibuat terhadap Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya membuat ucapan takziah adalah lebih senang daripada membuat ucapan tahniah, kerana kita sudah tahu apakah jasa-jasa orang yang telah pergi terlebih dahulu daripada kita. Tetapi bagi orang-orang yang masih ada itu tidak begitu senang. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai sedikit keraguan terhadap Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn yang sekarang ini dilantik sebagai Perdana Menteri baharu.

Bukannya sebarang orang yang boleh menjadi Perdana Menteri. Di dalam riwayat ataupun sejarah negara kita inilah kali yang ketiganya kita melantik Perdana Menteri dan sudah tentu daripada rakyat yang begitu ramai di negara kita, pemilihan itu adalah satu pemilihan yang sudah tentu bijak. Dan saya bersama-sama semua rakyat di negara ini mengalu-alukan perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri baharu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah disebutkan berkenaan dengan Yang Berhormat Datuk Hussein Onn dan tidak perlu saya ulangkan.

Saya hendak menyatakan sedikit dari segi peribadi oleh kerana saya kenal Yang Berhormat Datuk Hussein itu semenjak kami

masih menuntut undang-undang dahulu. Semasa itu beliau bolehlah dianggapkan sebagai seorang yang di luar Kerajaan dan bukan sebagai seorang exile tetapi seorang yang tidak di dalam Kerajaan. Sungguhpun beliau pada masa itu berada jauh daripada negara tetapi pandangan beliau terhadap negara masih kukuh. Apa yang berlaku di negara ini beliau mengambil perhatian yang berat. Seperti kita sedia maklum sebelum daripada itu beliau adalah seorang pejuang untuk mendirikan parti yang sekarang ini sudah terkenal, parti yang memperjuangkan kemerdekaan bagi negara kita.

Sungguhpun di waktu itu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein di luar negeri, saya sudah nampak bahawa apa juga perbuatannya, apa juga perkataannya, apa juga pendiriannya, kesemuanya ialah untuk meninggikan taraf negara kita. Dan saya pada masa itu tidak mempunyai syak wasangka langsung yang pada suatu ketika nanti beliau akan diminta memimpin negara kita. Dan sekarang saya bersyukur kehadzrat Tuhan rabbilalamin, yang beliau menyandang jawatan tertinggi itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulang sedikit berkenaan dengan tabiat tegas Datuk Hussein Onn seperti yang telah disebutkan oleh sahabat-sahabat saya pada awal-awal tadi. Sifat tegas ini ialah satu sifat yang pada hemat saya amat perlu bagi sesiapa yang menyandang jawatan Perdana Menteri. Kalau tidak tegas, mungkin banyak yang mencucuk, yang cuba mengampu, yang cuba mempengaruhi dia. Tetapi saya percaya, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein tidak akan dimakan ampu, tidak boleh dicucuk dan tidak boleh dipengaruhi.

Saya ingat satu peristiwa semasa kami sama-sama dalam percicaraan atas satu kes jenayah di Mahkamah Tinggi, yang mana Hakim Mahkamah Tinggi telah menegur beliau yang menyatakan hujjah-hujjah yang diberinya itu tidak patut dan di luar batas. Saya tidak pernah lagi mendengar seorang peguam yang sanggup menjawab balik kepada Hakim Mahkamah Tinggi dengan secara berani. Sehingga akhirnya, Hakim Mahkamah Tinggi itu sendiri meminta maaf kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn pada masa itu. Ini menunjukkan sikap tegasnya. Dan selagi beliau mempunyai sikap semacam ini, saya rasa kita tidak kluatir langsung yang beliau itu akan menjadi pemimpin yang teragong bagi kita.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan singkatnya masa yang diberikan kepada saya, sekali lagi saya suka menyatakan sokongan saya terhadap usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Wan Ibrahim.

6.15 ptg.

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sepenuhnya usul ini dan mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri baru kita, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. Saya percaya Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn adalah seorang pengikut yang benar kepada Allahyarham Tun Abdul Razak, dan saya percaya apa-apa juga yang dijalankan oleh Allahyarham Tun akan disambung oleh Yang Berhormat Datuk Hussein Onn untuk kebaikan rakyat, negara dan bangsa.

Akhirnya, saya doakan kesihatannya.

6.16 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang Ahli yang baharu sekali di dalam Majlis ini mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana telah diberi peluang untuk bercakap dan seterusnya memberi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri yang baharu.

Sesungguhnya saya tidaklah mengetahui dengan lebih jauh berkenaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baharu ini, tetapi saya hanya mengharapkan supaya Tuhan memberi taufek dan hidayat kepada beliau untuk memimpin negara yang sering melalui berbagai masalah dan pancaroba.

Saya yakin dan percaya dengan kematangan beliau yang telah kita ketahui, dan juga kematangan ahli-ahli politik kita dan keteguhan moral integrity pegawai-pegawai kita yang terlatih dan berpengalaman, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan dapat mengikut asas-asas yang telah diletakkan oleh Almarhum Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak yang telah meninggalkan kita.

Akhirnya, saya menyeru kepada semua pihak yang berkenaan, izinkan saya memetikkan sepatah pesanan daripada Saidina Ali k.w., katanya: "Jangan kamu takut selain daripada dosa, dan jangan kamu harap selain daripada Tuhan".

Saya berharap kita semua akan menyertai dengan pesanan ini, sambil berharap kepada Tuhan untuk memberi kesihatan dan hidayat kepada Perdana Menteri kita yang baharu muga-muga dapatlah tercapai matlamat yang kita sama-sama cita-citakan.

6.18 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini dan tidak payahlah saya hendak menerangkan lebih lanjut tentang kelayakan dan kebolehan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn yang telah dilantik menjadi Perdana Menteri kita yang mana saudara-saudara saya telahpun menerangkannya dengan panjang lebar, dan saya menambah bahawa saya dengan penuh kepercayaan dan keyakinan bahawa Yang Amat Berhormat dapat memainkan peranan dan meneruskan cita-cita politik, ekonomi dan pembangunan masyarakat sebagai lanjutan kepada yang telah ditaja dan diusahakan oleh bekas Perdana Menteri kita Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang baharu sebentar tadi kita telah meluluskan suatu ucapan dukacita dan takziah terhadap kembalinya beliau ke rahmatullah.

Satu masaalah yang saya hendak menarik perhatian Dewan ini untuk menjadi kenangan-kenangan kepada kita bersama yang mana satu kenyataan bersama hasil daripada ketenteraman politik dalam negara kita ini yang telah dibuat dan menciptakan Kerajaan Campuran dan seterusnya terbentuknya Kerajaan Barisan Nasional hasil daya usaha yang baik yang dianggap sebagai amal salih yang telah ditinggalkan oleh Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak yang kita harap dapat diteruskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini. Catatan itu ialah kenyataan bersama Allahyarham Tun Haji Abdul Razak selaku Perdana Menteri Malaysia pada masa itu, dan Datuk Haji Mohamed Asri selaku pemimpin Parti PAS yang berlaku pada bulan Disember tahun 1972 berbunyi:

"Bismillah hirahman nirahim. Segala puji bagi Allah salawat dan salam kepada Rasul-rasulnya bahawa memandang kepada gelora politik tanahair yang memerlukan penyatuan seluruh tenaga untuk mencapai cita-cita kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan pembangunan peribadi rakyat serta identity masyarakat kita dan bahawa memandang kepada usaha-usaha pembangunan yang mesti terus-menerus dihidup-suburkan dalam mana pembangunan kerohanian hendaklah diberi perhatian yang sama di samping pembangunan lahiriah yang dalam hal ini nilai-nilai ke Tuhanan akan menjiwai segenap bidang kemasyarakatan dan pembangunan sesuai dengan prinsip-prinsip Rukunegara dan Perlembagaan yang menentukan agama Islam itu sebagai Ugama Rasmi, sungguhpun agama-agama lain dibenarkan berjalan dengan aman dan damai. Dan bahawa memandang kepada konsep demokrasi berparlimen seperti yang berjalan di negara kita sekarang ini yang sentiasa dipupuk dan dibajai bagi memberikan sumbangan yang besar kepada wujudnya satu barisan kebangsaan yang kukuh dalam proses pembinaan negara dan rakyat. Dan bahawa memandang kepada hasrat memajukan ekonomi negara dan rakyat dalam mana usaha sedang dan akan dijalankan untuk penyertaan seluruh rakyat yang mundur, khasnya ahli-ahli bumiputra yang sewajarnya di segenap sektor, terutama dalam sektor perusahaan dan perdagangan. Maka tertakluk kepada persefahaman yang telah dicapai secara bertulis di antara Parti Perikatan dengan Parti PAS dengan ini adalah dinyatakan persetujuan kedua-dua pihak bagi menubuhkan Kerajaan Campuran (Perikatan—PAS) di semua peringkat. Demikianlah semoga negara Malaysia sentiasa di bawah lindungan rahmat Allah."

Jadi, atas asas-asas persetujuan bersama inilah kita harap supaya lanjutan itu akan dapat diterus dan dilaksanakan sampai kepada tercapainya matlamat kita dengan usaha bersama pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang dan kerjasama kita dari semua pihak itu sahaja.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 6.40 petang.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 6.40 petang.

UCAPAN TAHNIAH DAN SOKONGAN KEPADA DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN SEBAGAI PERDANA MENTERI

6.26 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibawa oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Wan Ibrahim untuk mengucapkan tahniah di atas lantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, lantikan yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn adalah tepat sekali yang mana rakyat seluruhnya telah memberi sokongan dan tahniah di atas lantikan itu. Di dalam masa suasana sedih dan dukacita maka hati rakyat Malaysia ini dapat terubat sedikit dengan pengistiharan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn telah dilantik menjadi seorang Perdana Menteri iaitu Perdana Menteri Malaysia yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masa tidak mengizinkan di sini saya berdiri adalah menyokong Usul yang dibawa oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Wan Ibrahim iaitu mengucapkan tahniah di atas lantikan

Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn itu. Kita bersyukur ke khadrat Allah pada hari ini yang mana beliau telah berikrar di dalam Dewan yang mulia ini yang mana beliau akan menyambung perkhidmatan Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak. Di atas ikrarnya itu marilah kita bersama-sama menyokong di atas tindak-tanduk yang akan dijalankan oleh beliau, dan marilah kita bersama-sama berdoa mudah-mudahan Allah akan memberi petunjuk dan hidayat kepada beliau.

6.28 ptg.

Tuan Syed Omar bin Syed Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Ucapan Tahniah kepada perantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru, Datuk Hussein bin Datuk Onn. Saya rasa berkewajipan bangun dan mengucapkan tahniah ini, kerana saya rasa rakyat di seluruh Malaysia dari Perlis sampai ke Sabah sudah ternyata akan memberi sokongan sepenuh-penuhnya. Jadi, saya terasa rugi sekiranya saya dari Perlis tidak bangun membuat sokongan dan memberi ucapan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri kita yang baru ini.

Saya menumpang menyokong dengan sepenuh-penuhnya segala apa yang telah diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, dan rasa saya tidaklah sayugianya saya mengulangi ucapan-ucapan itu kerana masa tidak mengizinkan. Apa yang menarik perhatian saya di dalam masaalah Ucapan Tahniah ini, saya rasa di dalam negara kita ini selain daripada seluruh rakyat akan memberi sepenuh taat setia serta kerjasama saya rasa tentulah ada di celah-celah ribuan dan jutaan rakyat itu anasir-anasir yang masih berniat jahat dan hendak menghalang segala cita-cita yang telah diamanatkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang telah diamanatkan kepada Perdana Menteri kita yang baru ini. Mungkin ada dan harus ada dan setiap orang yang ada berniat jahat yang terdiri daripada anasir-anasir dan anggota-anggota masyarakat di Malaysia ini, maka saya berseru supaya semua rakyat yang ingin keamanan di dalam negara kita ini akan bekerja kuat menyokong sepenuhnya Perdana Menteri kita yang baru supaya memusnahkan segala akar umbi pengkhianat-pengkhianat tadi, kerana beliau akan dibebankan dan telah dibebankan oleh suatu bebanan yang amat berat. Kalau semua

Ahli-ahli Dewan dan seluruh rakyat tidak akan memberi kerjasama, namun bebanan yang berat itu akan bertambah berat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya suka memberi serangkap pantun sebagai azimat kepada Datuk Perdana Menteri kita yang baru untuk bangun membasmi-an anasir-anasir jahat sehingga ke akar umbi ini. Pantunya berbunyi demikian, Tuan Yang di-Pertua:

Pulau Pinang Pengkalan Darat;
Tempat berhimpun orang berniaga;
Patah tubang berganti terat;
Tumbuh daun dililit juga.

6.31 ptg.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjong dan saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Datuk Hussein bin Datuk Onn sebagai Perdana Menteri yang baru.

Sebenarnya, saya ada banyak perkara yang hendak bercakap khasnya berkenaan dengan kualiti Yang Amat Berhormat Datuk Hussein, tetapi oleh kerana telah dicakapkan banyak oleh rakan-rakan saya maka tidak payah lagi saya bawa perkara ini. Cuma apa yang patut saya percakapkan di sini, selain daripada kita mengalir air mata kita, tetapi patut kita ingati iaitu pada masa sekarang ini dan juga pada masa hadapan negara kita sedang menghadapi penoh dengan ujian, cabaran dan ancaman. Dengan keadaan kesihatan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein yang kita tahu terganggu baru-baru ini, tetapi dengan kebijaksanaan dan kualiti beliau saya percaya beliau akan melanjutkan segala polisi-polisi dan kerja-kerja yang ditinggalkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak.

Pendek kata, sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan kita kerja yang ditanggungkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein adalah satu kerja yang berat, beban yang sudah dipikul oleh orang-orang

lain. Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama Ahli-ahli Dewan dan juga rakyat jelata bersungguh-sungguh berdiri dibelakang beliau bekerjasama supaya beliau akan meneruskan segala kerja-kerja yang ditinggalkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak.

Pada akhirnya, saya berdoa moga-moga Allah akan memberi segala kekuatan dan kesihatan supaya dapat beliau memikul beban yang berat ini untuk membawa kemajuan bagi negara, bangsa dan agama.

6.34 ptg.

Puan Zawiyah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjong. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Hussein akan dapat memimpin dengan sepenuh-penuhnya kepada negara, bangsa dan dapat meneruskan segala cita-cita Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dengan meneliti dari gerak langkah yang telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk semasa beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Saya sebagai seorang wanita sangat-sangatlah berharap semoga Yang Amat Berhormat Datuk dapat memberi pandangan berat kepada kami kaum wanita, sebagaimana yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak.

Saya mengucapkan takziah kepada Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya di atas keibalinya ke Rahmatullah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, dan saya berharap semoga Tuhan akan mencucuri rahmat kepada roh Allahyarham Tun dan juga memberi kesabaran kepada isteri dan keluarganya.

6.35 *ptg.*

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjong. Saya mengucapkan tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Kita bersama-sama telah mendengar semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap berharap supaya Yang Amat Berhormat akan meneruskan perjuangan-perjuangan yang telah diperjuangkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. Kita semua tahu bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Hussein kesihatannya tidak begitu memuaskan dan kita berharap Allah subhanahu wataala akan memberi kesihatannya dengan baik dan kita berdoa moga-moga Tuhan akan memberi petunjuk di atas usaha-usahannya untuk meneruskan perjuangan Allahyarham ini. Terima kasih.

6.36 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul ini. Kita telah mendengar banyak Ahli-ahli Dewan Negara ini mengucapkan terima kasih kepada Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Di sini alangkah jauhnya pandangan Allahyarham itu iaitu berkehendakkan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn menjadi Timbalannya dan mendidik beliau supaya menjadi Perdana Menteri dan pada masa ini telah sampailah kehendak-kehendak Allahyarham itu yang Datuk Hussein bin Datuk Onn menjadi Perdana Menteri. Di sini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat itu.

Ada satu perkara saya hendak menarik perhatian Dewan iaitu apabila kita mendengar orang menyebut nama Tun, maka tidak lain ialah Tun Haji Abdul Razak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menganugerahkan banyak Tun kepada orang-orang dalam Malaysia ini, tetapi yang kita tahu hanya Tun Haji

Abdul Razak—Tun Abdul Razak. Jadi, biarlah berkekalan yang nama Tun itu akan diingati selagi ada bumi dan langit, sebagaimana di luar negeri, umpamanya, Sir John Samuel yang telah mendapat kurniaan “Sir” itu dikekalkan menjadi turun-temurun. Jadi, saya berharap Kerajaan memandang tinggi supaya satu daripada waris Allahyarham itu mendapat “Tun” turun-temurun dengan seterusnya.

6.38 *ptg.*

Tuan Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di atas Usul ucapan tahniah dari rakan saya iaitu Yang Berhormat Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjong di atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Perdana Menteri yang baru bagi negara kita. Sesungguhnya sebagaimana kata Datuk Athi Nahappan iaitu:

Hidup ini tokoh pergi, tokoh datang,
Bagai landak di hujung tanjong,
Hilang seekor berganti seekor,
Patah tumbuh hilang berganti.

Sebelum saya berucap lebih panjang, saya ingin merakamkan sebuah sajak di dalam Dewan ini kepada tokoh yang telah pergi. Bunyi sajak itu adalah demikian:

Kau pergi,
Oh! Tun Razak,
Meninggalkan kami semua,
Di dalam sedu sedan yang tidak terhingga,
Bilakah luput di hati,
Sehingga akhir hayat ini,
Jasa mu tetap dikenang di lubuk hati,
Akan terpahat di dada tiap-tiap dari kami,
Cita-cita mu dan jejak mu,
Akan diturut;
Untuk menegakkan kemerdekaan bangsa,
negara dan agama.

Pada tokoh yang datang saya ucapkan tahniah. Untuk penghibur hati, saya ucapkan sebuah pantun, yang berbunyi begini:

Pecah buyong tempayan ku ada,
Boleh juga pembasuh kaki,

Terbang tiong bayanku ada,
Boleh juga penghibur hati.

Oleh sebab masa tidak membenarkan, saya doakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru ini mudah-mudahan dapat beliau membelakan keindahan kebenaran sesungguhnya dalam negara kita.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat

Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn atas perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada beliau di dalam melaksanakan tanggungjawabnya yang berat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 22hb Januari, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.